

Setiausaha
Penyelidikan Budaya Muzium Negeri
N. Sembilan D. Khusus

KRONOLOGI PEMILIHAN

DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR KE 10

Disediakan Oleh :
Waris Pesoko Bukit Lintang (Lubuk Kepong)
(Normawati Mahat)

28hb Ogos 1998

PERATURAN & PERBILANGAN ADAT PERPATIH

Susunan dalam Peraturan Adat Perpatih dijelaskan melalui

Perbilangan Adat :
*ALAM BERAJA
LUAK BERPENGHULU
SUKU BERLEMBAGA
ANAK BUAH BERBUAPAK*

Perbilangan Adat mengenai Proses Perlantikan Ketua-Ketua Adat :

*BERJENJANG NAIK BERTANGGA TURUN
NAIK DARI JENJANG NAN DI BAWAH
TURUN DARI TANGGA NAN DI ATAS
ALAM BERAJA LUAK BERPENGHULU.*

Perbilangan Adat mengenai Hak Penyandang Pesaka :

*DUDUK BERTENTU, BILANG BERTENTU
HAK BERGODONO, HARTA BERTUAN
BERLOPAK-LOPAK BAK SAWAH
BERUANG-RUANG BAK DURIAN
BERUAS-RUAS BAK TEBU
BEROMPOK MASING-MASING
BERPUNYA SEORANG SATU
HAK ORANG JANGAN KITA AMBIL
UNTUK KITA JANGAN AGIHKAN*

Susunan Pemilihan Penyandang Pesaka mengikut Aturan Adat :

*BULAT ANAK BUAH MENJADIKAN BUAPAK
BULAT BUAPAK MENJADIKAN LEMBAGA
BULAT LEMBAGA MENJADIKAN PENGHULU/UNDANG
BULAT PENGHULU/UNDANG MENJADIKAN RAJA*

14HB JUN 1998

KERAPATAN ANAK-ANAK BUAH
MUAFAKAT MENGENAI KEDUDUKAN BUAPAK SUKU TIGA BATU BERTEMPAT
DI RUMAH WARIS PESOKO AYHMH. PN. HASNAH YUNUS, KG. PULAU.

Memandangkan Perut Pulau telah sampai giliran mengisi kekosongan pesaka Dato' Paduka Seri Maharaja, maka, Buapak Suku Tiga Batu To' Palembang Mohd Yusof Yunus telah memanggil Kerapatan anak-anak buah untuk bermuafakat mengenai kedudukan beliau sebagai Buapak dan hasratnya untuk menuntut pesaka tersebut.

Setelah dirunding, anak-anak buah Suku Tiga Batu menyetujui perkara-perkara berikut :

- Menyokong kepada hasrat To' Palembang Mohd Yusof Yunus untuk menuntut pesaka dan memohon agar beliau melepaskan pesaka Buapak dan gelaran yang disandang terlebih dahulu. Ini adalah kerana anak-anak buah beranggapan ianya akan menjejaskan amanah dan tanggungjawab sebagai Buapak di dalam menjalankan keadilan. Langkah ini juga boleh membebaskan diri Buapak daripada disalahtafsirkan oleh anak-anak buah kerana penyusunan usaha ke arah pemilihan penyandang pesaka Dato' Lembaga adalah di bawah tanggungjawab Buapak mengikut peraturan adat :

Bulat buapak menjadikan lembaga.

- Adalah juga amat dikhuatiri akan wujudnya kepentingan diri di dalam mengimbangi keadilan ketika menunaikan tanggungjawab sedemikian, maka, gelaran tersebut perlulah dilepaskan demi memelihara kebenaran dan keluhuran adat perpalih supaya tidak diamalkan sepertiimana di dalam perbilangn adat :

*Limau masan sebelah
Perahu karam sekerat
Tiba di perut dikempiskan
Berteras ke umpun kaki
Bersaksi ke hujung tapak*

PESAKA BERGILIR, HARTA BERTUAN

Pada 25hb Mei 1998 penyandang pesaka Dato' Paduka Seri Maharaja Hashim Bin Kidam telah meninggal dunia. Beliau yang dari Perut Tanjung Sepam dan penyandang pesaka Buapaknya pula adalah To' Palembang Mohd Yusof Yunus dari Perut Pulau. Maka, kedudukan To' Palembang di dalam lingkungan Suku Tiga Batu, Luak Gunung Pasir, adalah sepertimana yang ditetapkan mengikut Aturan Adat :

*Mati Ayam
Mati Tungau.*

Ini bermakna sekiranya berlaku kematian Dato' Lembaga di dalam sesebuah suku, maka, kedudukan Buapaknya juga ikut sama terhapus. Oleh yang demikian, sekiranya hendak melantik Dato' Lembaga yang baru, hendaklah juga dicari ganti Buapaknya kerana setiap pemilihan ketua adat adalah mengikut Aturan :

*Hidup berkerelaan
Mati berkerapatan.*

Mengikut salasilah penyandang pesaka Dato' Paduka Seri Maharaja Luak Gunung Pasir, maka, sampailah giliran anak-anak buah dari Perut Pulau untuk mewarisi pesaka tersebut kerana yang terdahulu darinya telah disandang oleh pewaris-pewaris dari Perut Bukit Lintang (Ke 8) dan Perut Tanjung Sepam (Ke 9).

Di dalam Aturan Adat, Buapak Suku Tiga Batu adalah diamanahkan untuk mengetuai anak-anak buah di dalam lingkungan Suku Tiga Batu dan bertanggungjawab untuk mempengerusikan 'Kerapatan' (Muatakat) dengan mengumpulkan anak-anak buah bagi memilih 'mata benih' Dato' Lembaga yang baru. Perbilangan adat mengaturkan pemilihan ketua adat sebagai :

*Bulat anak buah menjadikan buapak
Bulat Buapak menjadikan Lembaga
Bulat Lembaga menjadikan Penghulu/Undang
Bulat Penghulu / Undang menjadikan Raja*

- Adalah juga dikhuatiri Buapak tidak mampu menyelaraskan keadilan untuk menegakkan kebenaran kerana wujudnya kepentingan diri sepertimana di dalam perbilangan adat :

Tak ada benar dicari benar, sudah dapat benar, disiahtkan.

- Memilih Buapak Suku Tiga Batu yang baru dengan mengikut giliran dari Perut Bukit Lintang (Lubuk Kepong) untuk diamanahkan pengurusan penuntutan dan pemilihan penyandang pesaka Dato' Lembaga Suku Tiga Batu mengikut susunan adat :

*Bulat Anak Buah Menjadikan Buapak,
Bulat Buapak Menjadikan Lembaga.*

- Waris pesoko dari Perut Bukit Lintang (Normawati Mahat) telah mencalonkan Tuan Haji Malek Bin Tubah dari Perut Bukit Lintang untuk diamanahkan tanggungjawab tersebut dan telah disokong sebulat suara oleh anak-anak buah dari Suku Tiga Batu. Maka, bulatlah muafakat anak buah secara rasmi melantik **TUAN HAJI MALEK BIN TUBAH** sebagai penyandang pesaka **BUAPAK SUKU TIGA BATU LUAK GUNUNG PASIR** yang membawa gelaran **TO' PALEMBANG**.

28HB JUN 1998

PEMBERITAHUAN
KERAPATAN ANAK-ANAK BUAH
PENAWARAN DIRI BAGI MENUNTUT PESAKA DATO' LEMBAGA.

UNDANG-UNDANG SI GAMAK-GAMAK

Tidak ada siapapun mempunyai kuasa mutlak di dalam peraturan
adat perpatih dan setiap keputusan dibuat adalah melalui
perundingan atau kerapatan.

To' Palembang telah memanjangkan Pemberitahuan kepada anak-anak buah untuk berkumpul di rumah waris pesaka Bukit Lintang bagi mengadakan muafakat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penawaran diri anak-anak buah untuk menuntut pesaka Dato' Lembaga Suku Tiga Batu. Pemberitahuan ini juga membuka penawaran kepada anak-anak buah daripada Perut Pulau untuk memohon secara rasmi sekiranya berhasrat untuk menuntut pesaka tersebut pada atau sebelum 10hb Julai 1998.

KERAPATAN ANAK-ANAK BUAH
MUAFAKAT KEDUDUKAN PENAMAAN CALON
DI RUMAH WARIS PESOKO NORMAWATI BINTI MAHAT DI BUKIT LINTANG.

Kemanakan beraja kepada mamak (Buapak)
Mamak (Buapak) beraja kepada muafakat
Muafakat beraja kepada alur dan patut.

Seramai 43 orang anak-anak buah dari lingkungan Suku Tiga Batu telah berkesempatan untuk menghadiri Kerapatan tersebut. To' Palembang telah menyenaraikan 5 Orang anak-anak buah yang menawarkan diri untuk menuntut pesaka tersebut. Mereka adalah (1) Tn. Hj. Mohamed Tan Sadan (2) Tn. Hj. Mohd Yusof Yunus (3) En. Abd. Hadi Malek (4) Tn. Hj. Ibrahim Kidam (5) En. Shahrudin Mohd Sheh.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa hanya 3 orang calon sahaja yang telah diberikan keutamaan dan pertimbangan, mereka adalah (01) Tn. Hj. Mohd Yusof Yunus (02) Tn. Hj. Mohamed Tan Sadan (03) En. Abd. Hadi Malek. Ini adalah kerana 2 calon yang lainnya adalah tidak bersesuaian menyandang pesaka tersebut kerana berkahwin di luar Luak Gunung Pasir.

Kerapatan ini telah mengambil keputusan agar To' Palembang membawa Wakil Waris Pesoko, Wakil-Wakil Besar Waris daripada 3 Perut (Pulau, Tg. Sepam dan Bukit Lintang) untuk berbincang dan mendapatkan persetujuan daripada Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar pemilihan calon-calon tersebut :

- Mendapatkan penafsiran semula mengenai kedudukan 'Luak' yang tertera di dalam peraturan pemilihan Dato' Lembaga.

- Menentukan kedudukan calon yang benar-benar layak untuk dipertimbangkan bagi menuntut pesaka Dato' Paduka Seri Maharaja Luak Gunung Pasir.
- Menyatakan gesaan anak-anak buah untuk menjalankan pemilihan melalui UNDI SULIT, sekiranya kedapatan lebih daripada seorang calon yang layak dipertimbangkan. Adalah diharapkan usaha jini akan dapat menghindarkan anak-anak daripada sebarang krisis dalaman atau sebarang sogokan demi memelihara ketulusan martabat adat perpatih sepertimana yang tersebut di dalam perbilangan :

Macam menarik rambut dalam tepung
 Rambut jangan putus
 Tepung jangan berselerak
 Kalau keruh dijernihkan
 Kalau kusut diusaikan
 Keruh di hulu selesaikan di hulu
 Keruh di hilir selesaikan di hilir

dan ;

Barat memalu ular di dalam benih
 Benih tidak rosak, tanah tidak lembang
 Kayu pemalu tidak patah, namun ular mali jua.

KERAPATAN
TO' PALEMBANG / WAKIL-WAKIL BESAR WARIS / WAKIL WARIS PESOKO
DENGAN YGBHG. DATO' PENGHULU LUAK GUNUNG PASIR

Permuafakatan To' Palembang, Waris Pesoko (Normawati Mahat) dan Wakil-wakil Besar Waris Tn. Haji Salim Shapie (Bkt. Lintang), Tn Hj Saleh Taib (Pulau) dan En Adam Ibin (Tg. Sepam) dengan Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir telah dijalankan di rumah Ygbhg. Dato' Penghulu pada 13hb Julai 98 jam 3.00 petang hingga 4.30 petang. Tujuan permuafakatan ini diadakan adalah untuk mengambil persetujuan bersama mengenai perkara-perkara dasar pemilihan calon-calon Dato' Paduka Seri Maharaja Luak Gunung Pasir sepertimana yang dipohon oleh anak-anak buah.

Adalah dipersetujui bersama bahawa :

- Penawaran diri daripada anak buah yang berkahwin di Luar Luak Gunung Pasir tidak dapat dipertimbangkan. Keutamaan perlulah diberikan kepada calon-calon yang berkahwin di dalam Luak kerana akan lebih berkemampuan untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab sebagai Dato' Lembaga Suka Tiga Batu.
- Calon-calon yang sesuai untuk menyandang kekosongan pesaka tersebut juga dikehendaki mempersetujui perkara-perkara dasar yang berkaitan dengan penyempurnaan kehendak dan peraturan adat sepertimana yang tercatat di dalam perbilangan :

*Kok cacat cida, hendaklah ditunjukkan dimana cacat cidanya
supaya tidak berlaku : Jauh tat tertunjuk, dekat tak tercapak.*

- Maka setelah semua faktor diambilkira dan dipersetujui oleh calon-calon, maka, bolehlah Buapak mengemukakan nama-nama calon yang berhak menyandang pesaka tersebut untuk dipilih di dalam Kerapatan Anak-Anak Buah Suku Tiga Batu.
- Kerapatan ini juga telah membuat persetujuan untuk menjalankan pemilihan secara pengundian sulit.

22HB JULAI 1998

KERAPATAN
BUAPAK, WAKIL BESAR-BESAR WARIS DENGAN CALON-CALON

Kerapatan bagi menentukan tarikh dan tempat serta taklimat mengenai perjalanan pengundian untuk Pemilihan Dato' Paduka Seri Maharaja Luak Gunung Pasir telah diadakan di rumah waris pesoko Normawati Mahat, Bkt. Lintang jam 3.00 petang.

Di Kerapatan ini, persetujuan-persetujuan berikut telah dibuat :

- Kerapatan bagi Pemilihan akan diadakan di Balai Raya Kg. Pulau pada 23hb Ogos 98 (Ahad) jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari .
- Setiap calon hendaklah menderma sebanyak RM20.00 bagi membantu pihak urusetia membeli minuman ringan.

Kerapatan ini telah disempurnakan dengan Bacaan Doa Selamat agar pemilihan ini dapat dilaksanakan dengan adil dan baik.

24HB JULAI 1998

PEMBERITAHUAN
TARIKH, TEMPAT DAN SYARAT-SYARAT PEMILIHAN
DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU HIGA BATU)

To' Palembang telah mengedarkan Pemberitahuan mengenai Pemilihan sepertimana yang telah dijadualkan. Di masa yang sama juga telah menjemput dan memohon kerjasama agar kerapatan ini dapat dilaksanakan dengan baik daripada pihak Polis Daerah dan pihak Pejabat Daerah Kuala Pilah. Di samping itu, Jemputan Khas juga diedarkan kepada orang-orang kenamaan tempatan.

24HB JULAI HINGGA 22HB OGOS 1998

KERJA-KERJA PENTADBIRAN
URUSETIA KERAPATAN PEMILIHAN

To' Palembang telah menyerahkan tugas-tugas pentadbiran UNDI SULIT kepada waris pesoko Normawati Mahat. Di antara persiapan yang di buat ialah :

- MENYEDIAKAN BORANG PENDAFTARAN PEMILIH
- MENYEDIAKAN KERTAS UNDI
- MENYEDIAKAN SENARAI DAFTAR PEMILIH
- MENYEDIAKAN CARTA ALIRAN KERJA-KERJA PEMILIHAN
- MENGURUSKAN PINJAMAN PETI UNDI DARIPADA PEJABAT UMNO BAHAGIAN
- DAN LAIN-LAIN URUSAN YANG BERKAITAN

KERAPATAN ANAK BUAH
MEMILIH DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR

Kerapatan Anak Buah telah sempurna diadakan pada 23hb Ogos 1998 yang bertujuan untuk mendapatkan kebulatan muafakat Buapak & Anak-Anak Buah Suku Tiga Batu bagi memilih waris penyandang pesaka Dato' Paduka Seri Maharaja Luak Gunung Pasir. Kerapatan ini telah dipengerusikan oleh To' Palembang Hj. Malek Tubah, selaku Buapak Suku Tiga Batu dan dibantu oleh Besar-Besar Waris serta urusetia pentadbiran pemilihan. Kerapatan ini, telah bermula pada jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 12.10 tengahari

Kesemua calon-calon yang berhak dipilih di dalam kerapatan ini telah menghadirkan diri bersama pemerhati-pemerhati masing-masing.

Berikut adalah maklumat-maklumat mengenai pemilihan yang telah diputuskan di dalam kerapatan tersebut :

BILANGAN PENGUNDI		129 Orang
BIL.	CALON-CALON	BIL. UNDI
01.	Tn. Hj. Mohd Yusof Yunus	69 Undi
02.	Tn. Hj. Mohamed Tan Sadan	31 Undi
03.	En. Abd. Hadi Malek	29 Undi
PEMERHATI-PEMERHATI		
En. Bahaudin Hj Bakar kpd. Tn. Hj. Mohamed Tan Sadan		
En. Yusof bin Aziz kpd. Tn. Hj. Yusof Yunus		
En. Shaharudin Mohd Seh kpd. En. Abd. Hadi Malek		
& En. Nor Azbi Abd. Hadi		

Dengan kebulatan muafakat Buapak & Anak-Anak Buah, maka, telah diputuskan melalui Kerapatan ini, bahawa TN. HJ. MOHD YUSOF YUNUS adalah PEWARIS PESAKA dan berhak dilantik bagi menyandang gelaran DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR selepas 3 bulan 10 hari dari tarikh peninggalan pesaka Dato' Lembaga yang terdahulu.

Pemilihan ini telah disaksikan dan disahkan keadilannya oleh To' Orang Kaya Muda Zakaria Bin Maidin, Buapak Suku Tiga Batu (Lereng) mewakili Dato' Lela Raja Tn. Haji Abd. Samad Abdullah, Dato' Lembaga Suku Tiga Batu (Lereng).

Adalah juga disahkan bahawa Kerapatan Pemilihan ini tidak menerima apa-apa bantahan daripada anak-anak buah ketika ianya dijalankan, maka, adalah dianggap semuanya adalah muktamad dan selesai diputuskan.

Sekiranya, dipertikaikan, maka, adalah ianya sepertimana yang tersebut di dalam perbilangan adat :

*Memahat di luar baris,
Berketak di luar sangkar.*

28HB OGOS 1998

PERUTUSAN RASMI BUAPAK SUKU TIGA BATU KEPADA
DATO' PENGHULU LUAK GUNUNG PASIR.

To' Palembang menghantar perutusan rasmi kepada Ygbhg. Dato' Penghulu Luak untuk memaklumkan mengenai kebulatan muafakat Buapak & Anak-Anak Buah memilih Ygbhg. Tuan Haji Mohd Yusof Yunus sebagai penyandang pesaka Dato' Paduka Seri Maharaja Luak Gunung Pasir ke 10. Adalah juga dipohon agar Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir merestui Kebulatan Muafakat Anak-Anak Buah Suku Tiga Batu dengan mengadakan Upacara Pengistiharan Perlantikan beliau pada suatu tarikh selepas 3 bulan 10 hari dari tarikh peninggalan pesaka Dato' Lembaga yang terdahulu, iaitu pada 25hb Ogos, 1998.

PERBILANGAN ADAT PERPATIH :

*PENAKIK PISAU SERAUT, AMBIL GETAH BATANG LINTABUNG,
SELUDANG JADIKAN NYIRU, SETIHK JADIKAN LAUT,
SEKEPAL JADIKAN GUNUNG,
ALAM TERKEMBANG JADIKAN GURU.*

**LAMPIRAN
DOKUMEN-DOKUMEN RASMI
(MENGIKUT SUSUNAN TARIKH & KRONOLOGI)**

**PEMILIHAN
DATO' PADUKA SERI MAHARAJA
LUAK GUNUNG PASIR
KE 10**

28hb Ogos 1998




PEMILIHAN
DATO' SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR
(LUAK GUNUNG PASIR)

CATATAN KEPUTUSAN PEMILIHAN

CATATAN RASMI
KEPUTUSAN PEMILIHAN DATO PADUKA SERI MAHARAJA
LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU)

BIL.	NAMA CALON	BILANGAN KERTAS UNDI
01.	TN. HJ. MOHD YUSOF YUNUS	69
02.	EN. ABD. HADI MALEK	29
03.	TN. HJ. MOHAMED TAN SADAN	31
JUMLAH KERTAS UNDI		129
UNDI ROSAK		-
JUMLAH KESELURUHAN		129

DISAHKAN BENAR OLEH :

PEMERHATI	PEMERHATI	PEMERHATI
		
(TANDATANGAN)	(TANDATANGAN)	(TANDATANGAN)
NAMA: EN. ABD. HADI MALEK	NAMA: DATO PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR	NAMA: DATO PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR
K/P NO. 7544011	K/P NO. 240261-055167	K/P NO. 104582
TARIKH: 23/8/98	TARIKH: 23-8-98	TARIKH: 23/8/98

23HB OGOS 1998 - BALAIRAYA KAMPONG PULAU, SRI MENANTI, N.S..D.K.

**PENGAKUAN SAKSI-SAKSI
PEMILIHAN DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR
(SUKU TIGA BATU)**

SAYA ZAKARIA BIN H. D LAIDEEN

K/P NO. 3054 P29

BERALAMAT Kay. DUMBANG, HISSO SRI MENANTI,
N.S.D.K.




TELAH MENYAKSIKAN DAN MENGAKUI BAHAWA PERJALANAN PEMILIHAN
DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU)
PADA 23HB OGOS 1998 DI BALAIRAYA KAMPONG PULAU, SRI MENANTI,
N.S..D.K. TELAH DILAKSANAKAN DENGAN BAIK DAN ADIL.



(TANDATANGAN)

KERTAS UNDI

**PEMILIHAN DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK-GUNUNG PASIR
(SUKU TIGA BATU)**

NAMA-NAMA CALON	GAMBAR	TANDA X
HJ. MD. YUSOF BIN YUNUS		
ABDUL HADI BIN MALEK		
HJ. MOHAMED TAN BIN SADAN		

**23HB. OGOS 1998
BALAI RAYA KAMPONG PULAU, SRI MENANTI, N.S.D.K.**

**BORANG PENDAFTARAN PEMILIHAN
DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR**

SAYA K/P

ANAK BUAH DARI KAMPONG

DENGAN INI, MENUNTUT HAK UNTUK MEMILIH DATO' PADUKA
SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU).

YANG BENAR

.....
.....

DISAHKAN

BESAR WARIS/WAKIL

NAMA :

DIBENARKAN

**PALEMBANG HJ. MALEK TUBAH
BUAPAK
LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU)**

23HB OGOS 1998 - BALAI RAYA KG. PULAU, SRI MENANTI, N.S.D.K.

SENARAI DAFTAR PEMILIH

***DATO' PADUKA SERI MAHARAJA
LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU)***

TARIKH

23HB OGOS 1998

MASA

8.00 PAGI HINGGA 12.00 TENGAHARI

BERTEMPAT

DI BALAI RAYA KAMPONG PULAU, SRI MENANTI, N.S..D.K.

CATATAN RASMI
KEPUTUSAN PEMILIHAN DATO' PADUKA SERI MAHARAJA
LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU)


BIL.	NAMA CALON	BILANGAN KERTAS UNDI
01.	TN. HJ. MOHD YUSOF YUNUS	
02.	EN. ABD. HADI MALEK	
03.	TN. HJ. MOHAMED TAN SADAN	
JUMLAH KERTAS UNDI		
UNDI ROSAK		
JUMLAH KESELURUHAN		

DISAHKAN BENAR OLEH :

PEMERHATI	PEMERHATI	PEMERHATI
(TANDATANGAN)	(TANDATANGAN)	(TANDATANGAN)
NAMA:	NAMA:	NAMA:
K/P NO.	K/P NO.	K/P NO.
TARIKH.	TARIKH.	TARIKH.

23HB OGOS 1998 - BALAIRAYA KAMPONG PULAU, SRI MENANTI, N.S..D.K.

**CARTA ALIRAN KERJA
PENGUNDIAN DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR
(SUKU TIGA BATU)**



	TEMPAT PENDAFTARAN
	DEWAN PENGUNDIAN

PENERANGAN

MEJA 1 -) MENGISI BORANG PENDAFTARAN & PENGESAHAN BESAR WARIS/WAKIL
 MEJA 2 -) MENGIKUT KG. TANJONG SEPAM, KG. PULAU &
 MEJA 3 -)KG. BUKIT LINTANG

MEJA 4 - PENGESAHAN BUAPAK & PENDAFTARAN PENGUNDIAN
 MEJA 5 - PENYEMAKAN & PENGEDARAN BORANG UNDI
 MEJA 6 - PENGUNDIAN
 MEJA 7 - PENGUNDIAN
 MEJA 8 - PETI UNDI
 MEJA 9 - PEMERHATI CALON
 MEJA 10- TUJUARA KELUAR DEWAN

**PENGAKUAN SAKSI-SAKSI
PEMILIHAN DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR
(SUKU TIGA BATU)**

SAYA

K/P NO.

BERALAMAT
.....

TELAH MENYAKSIKAN DAN MENGAKUI BAHAWA PERJALANAN PEMILIHAN
DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU)
PADA 23HB OGOS 1998 DI BALAIRAYA KAMPONG PULAU, SRI MENANTI,
N.S..D.K. TELAH DILAKSANAKAN DENGAN BAIK DAN ADIL.

.....
(TANDATANGAN)

KEPADA :
 BESAR WARIS/CALON-CALON/PEMERIAH-PEMERIAH
 DAN URUSEJA PEMILIHAN

DARIPADA : DATO' PALEMBANG HJ MALEK BIN TUBAH
 BUAPAK LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU)

PERKARA : PROGRAM PEMILIHAN
 DATO' PADUKA SERI MAHARAJALELA
 LUAK GUNUNG PASIR.

Sukacita dimaklumkan bahawa Pemilihan Dato' Paduka Seri Maharaja akan dijalankan sepertimana yang dijadualkan. Berikut adalah program bagi kerja-kerja pengendalian perkara tersebut.

8.00 PAGI HINGGA 8.30 PAGI
 PENGUNDIAN OLEH BESAR WARIS/CALON-CALON/PEMERIAH-PEMERIAH

8.30 PAGI - 12.00 TENGAHARI
 PENGUNDIAN OLEH ANAK-ANAK BUAH SUKU TIGA BATU

12.30 TENGAHARI - 1.30 PETANG
 PENGIRAAN UNDI

Untuk makluman Ygbbg. Dato'/Hj/Hjh./Tn./Pn Minuman Pagi dan Jajanan Tengahari akan disediakan oleh Uruseja Pemilihan.

Sekian, adalah diharapkan agar kita akan dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab ini dengan baik.

Yang benar



HJ MALEK BIN TUBAH

UMNO CAWANGAN PULAU
d/a KAMPONG BUKIT LINTANG, 71550 SRI MENANTI,
71550 KUALA PILAH, N.S.D.K.

Ruj. Fail : UMNO/PENT./03/98
Tarikh : 19hb Ogos 1998

Kepada :
Ygbhg. Dato' Setiausaha UMNO
Bahagian Kuala Pilah
Bangunan UMNO, KUALA PILAH
N.S.D.K.

Ygbhg. Dato'


PERMOHONAN MEMINJAM (1) SEBUAH PETI UNDI.

Perkara di atas adalah dengan hormatnya dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa UMNO Cawangan Pulau telah diberikan amanah untuk menjalankan pengundian bagi pemilihan Dato' Paduka Seri Maharaja Luak Gunung Pasir pada 23hb Ogos 98 di Balairaya Kg. Pulau. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan pihak Ygbhg. Dato' dapat meminjamkan 1(Sebuah) Peti Undi Pejabat UMNO Bahagian Kuala Pilah bagi membolehkan kami menjalankan kerja-kerja pengundian tersebut.

Sekian, kerjasama daripada Ygbhg. Dato' kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang bonar



NORMAWATI MAHAT
Ketua UMNO Cawangan

s.k. : Ygbhg. Dato' Palembang Hj. Malek Bin Tubah
Buapak Suku Tiga Batu (Luak Gunung Pasir)

PEMBERITAHUAN

24HB JULAI 1998

KEPADA : ANAK-ANAK BUAH LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU)
DARIPADA : DATO' PALEMBANG HJ. MALEK BIN TUBAH
BUAPAK LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU).

PEMILIHAN DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU)

ADALAH DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA PEMILIHAN DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU) AKAN DIADAKAN SEPERTI BUTIR-BUTIR BERIKUT :

TARIKH : 23HB OGOS 1998 (AHAD)
MASA : 8.00 PAGI HINGGA 12.00 TENGAHARI
TEMPAT : BALAIRAYA KG. PULAU
SRI MENANTI, N.S.D.K.

SYARAT-SYARAT PEMILIHAN :

01. ANAK-ANAK BUAH DARIPADA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU) SAHAJA
02. BERUMUR 18 TAHUN KE ATAS DAN WARAS
03. MEMBAWA KAD PENGENALAN

ADALAH DIHARAPKAN ANAK-ANAK BUAH YANG BERKESEMPATAN AKAN DAPAT MELAPANGKAN MASA BAGI MENUNAIKAN AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMILIH DATO' PADUKA SERI MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU).



DATO' PALEMBANG HJ. MALEK TUBAH

JEMPUTAN KHAS

Adalah dengan hormatnya dijemput
Ygbbhg. Dato'/Tn. Hj./Hjh./Tn./Pn.
.....

**Ke Pemilihan Dato' Paduka Seri Maharaja
Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)**

Bertempat
Di Balairaya Kampong Pulau, Sri Menanti,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh
23hb Ogos 1998 (Ahad)

Masa
8.00 pagi Hingga 1.00 tengahari

Adalah diharapkan dengan kehadiran Ygbbhg. Dato'/Datin
Tn. Hj./Hjh./Tuan/Puan akan menambahkan lagi berkat kepada
usaha kami di dalam pemilihan ini.

Haji Malek Bin Tubah
Dato' Palembang Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)

Buapak Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)
Kampung Merlang
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

24hb Julai 1998

Kepada :

Ygbhg. Tuan Pegawai Daerah Kuala Pilah
Pejabat Daerah
Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan
KUALA PILAH, N.S.D.K.

Ygbhg, Tuan

PEMILIHAN CALON DATO' PADUKA MAHARAJA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU).

Perkara di atas adalah dengan hormatnya dirujuk. Sukacita dimaklumkan bahawa Pemilihan Dato' Paduka Seri Maharaja Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) oleh Anak-Anak Buah Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) akan dijalankan seperti berikut :


TARIKH : 23HB. OGOS 1998 (AHAD)
MASA : 8.00 PAGI HINGGA 1.00 TENGAHARI
TEMPAT : BALAIRAYA KAMPONG PULAU
SRI MENANTI, N.S.D.K.

Dengan ini, sukacita kami menjemput Ygbhg., Tuan atau Wakil daripada Pejabat Daerah sebagai Pemerhati di dalam Pemilihan tersebut.

Sekian, kerjasama daripada pihak Tuan diharapkan akan dapat membantu kami menyempurnakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada dengan baik.

Wassalam.

Yang benar



DATO' PALEMBANG HJ. MALEK BIN TUBAH

Palembang Haji Malek Bin Tubah
Buapak Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)
Kampung Mertang
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

24hb Julai 1998

Kepada :
Ketua Pegawai Polis Daerah
Kuala Pilah
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.
(U/P : Ketua Polis, Balai Sri Menanti, N.S.D.K.)

Ygbhg. Tuan

KERJASAMA DARIPADA PEGAWAI-PEGAWAI POLIS SRI MENANTI, N.S.D.K.

Perkara di atas adalah dengan hormatnya dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Perjumpaan Anak-Anak Buah Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) bagi Pemilihan Calon Dato' Paduka Maharaja Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) akan dijalankan pada 23hb Ogos 98 jam 8.00 pagi hingga 1.00 tgh. bertempat di Balai Raya, Sri Menanti, N.S.D.K. Oleh yang demikian, sukacita kami memohon Kerjasama Pemerhatian daripada pegawai-pegawai tuan yang bertugas di Balai Polis Sri Menanti agar perjumpaan ini dapat dijalankan dengan baik.

Sekian, kerjasama daripada pihak tuan diharapkan akan dapat membantu kami bagi melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kami.

Wassalam.

Yang benar



PALEMBANG HJ. MALEK BIN TUBAH

s.k. YM Tengku Alang Zubir Bin Tengku Laksamana Nasir
Ketua Penyelia Acah Kuala Pilah
-Untuk makluman Yang Mulla Tengku.

Ygbhg. Tuan Pegawai Daerah Kuala Pilah
-Untuk makluman tuan.

BORANG "A"

PENGESAHAN PENERIMAAN PENCALONAN


SAYA ABDUL HAQI BIN MALEK KIP NO. 381107-05-551 BERALAMAT DI
KG: PAYA KUMBOH-GUNUNG PASIR, 71550 SRD MENANFI
N. SEMBILAN D-K.

DENGAN INI, MENERIMA PENAWARAN SEBAGAI CALON DATO' LEMBAGA PADUKA LUAK
GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU).

SAYA JUGA BERSETUJU UNTUK MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN DI DALAM
ATURCARA PEMILIHAN SEPERTIMANA YANG TELAH DITETAPKAN OLEH ANAK-ANAK BUAH
LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU) DI DALAM PERJUMPAAN BERTARIKH 12HB
JULAI 1998 IAITU MELALUI SISTEM UNDI SULIT. SAYA JUGA MEMAHAMI BAHAWA
SETELAH DILANTIK, SAYA JUGA BOLEH DILUCUTKAN PESAKA TERSEBUT, SEKIRANYA
TIDAK MENETAPI PERATURAN & TANGGUNGJAWAB DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG
PASIR.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

YANG BENAR


.....
NAMA : ABDUL HAQI
TARIKH : 21.7.98

*LAMP : BERSAMA-SAMA INI DILAMPIRKAN 2 KEPING GAMBAR UKURAN PASSPORT
(HITAM PUTIH) UNTUK TINDAKAN SELANJUTNYA.

BORANG "B"

PENERIMAAN PERLANTIKAN

SAYA SHAHARUDIN BIN MOHD SAHAP 5587993
BERALAMAT DI KG. MERTANG GUNUNG PASIR
TJESD SRI MENANTI, NS. D.H.

DENGAN INI BERSETUJU UNTUK DILANTIK SEBAGAI PEMERHATI/WAKIL
CALON KEPADA ABOUL HADI BIN MALEK.

SAYA JUGA BERSETUJU UNTUK MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN DI
DALAM ATURCARA PEMILIHAN SEPERTIMANA YANG TELAH DITETAPKAN
OLEH ANAK-ANAK BUAH LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU) DI DALAM
PERJUMPAAN BERTARIKH 12HB JULAI 1998 IAITU MELALUI SISTEM UNDI
SULIT.

YANG BENAR


.....
NAMA: SHAHARUDIN

TARIKH: 22/7/98

PENGAKUAN BERTULIS

Saya ABDUL HADI BIN MALEK Kad Pengenalan No. 381107-05-5151
beralamat di Kg. PAYA KEMBOK, GUNUNG PASIR
71550, SRI MENANTI N. SEMBILAN

dengan ini, mengaku kesanggupan saya mendirikan Adat Istiadat Perlantikan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir di TELAPAK LEMBAGA dan TELATAK LEMBAGA bagi menetapi Peraturan & Tanggungjawab Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir, sekiranya dilantik menjadi Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir di dalam Pemilihan berkenaan.

Saya juga memahami sekiranya kedua-dua istiadat ini tidak diadakan, maka, lucutlah pesaka saya sebagai Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.

Sekian, Wassalam.

Yang benar


.....
Tarikh : 15-7-98

Disaksikan Oleh :

Nama: SIDAK BIN HASAN
K/P No. 880916-05-5095
Alamat : Kg. BUKIT TEMPUKORCI
71550 SRI-MENANTI N/S
Tarikh : 15/7/98

KEBENARAN BERTULIS

Saya KAMARIAH BINTI MALEK Kad Pengenalan No. 241216-05-5076
beralamat di KA KUBOR, GUNUNG PASIR, HISSO SRI MENANTI
NECELI SEMBILAN DAULU KUBUS.
adalah SAYA Kakak kepada ABDULL HADI Bin. MALEK
K/P No. 381107-05-5151 dengan ini, memberikan kebenaran kepada beliau
untuk mendirikan Adat Istiadat Perlantikan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir di
kediaman saya dan mengistiharkannya sebagai **TELAPAK LEMBAGA**, sekiranya
dilantik menjadi Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir di dalam Pemilihan tersebut.

Sekian, Wassalam.

Yang benar

RTR'

Tarikh 15/7/98

Disaksikan Oleh :

Nama: SIDEK Bin HASMAN
K/P No. 280916-05-5045
Alamat: Ka. BUKIT TEMERIAN
HISSO SRI MENANTI N/S
Tarikh 15/7/98

BORANG "A"

PENGESAHAN PENERIMAAN PENCALONAN

SAYA MCHD YUSOF YUSUF K/P NO. 36.1125-05-5765 BERALAMAT DI
Kg. Sekai, Gunung Pasir
SERI MERANTI, N.S.D.K.

DENGAN INI, MENERIMA PENAWARAN SEBAGAI CALON DATO' LEMBAGA PADUKA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU).

SAYA JUGA BERSETUJU UNTUK MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN DI DALAM ATURCARA PEMILIHAN SEPERTIMANA YANG TELAH DITETAPKAN OLEH ANAK-ANAK BUAH LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU) DI DALAM PERJUMPAAN BERTARIKH 12HB JULAI 1998 IAITU MELALUI SISTEM UNDI SULIT. SAYA JUGA MEMAHAMI BAHAWA SETELAH DILANTIK, SAYA JUGA BOLEH DILUCUTKAN PESAKA TERSEBUT, SEKIRANYA TIDAK MENETAPI PERATURAN & TANGGUNGJAWAB DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

YANG BENAR



NAMA: Mohd Yusof Yusuf

TARIKH: 19/07/98

***LAMP: BERSAMA-SAMA INI DILAMPIRKAN 2 KEPING GAMBAR UKURAN PASSPORT (HITAM PUTIH) UNTUK TINDAKAN SELANJUTNYA.**

BORANG "B"


PENERIMAAN PERLANTIKAN

SAYA MOHD YUSOFF BIN ABD AIZ KP 1021582
BERALAMAT DI KG BUKIT LINTANG, SERI MENANTI
KUALA PILAH, N.S.

DENGAN INI BERSETUJU UNTUK DILANTIK SEBAGAI PEMERHATI/WAKIL
CALON KEPADA MO YUSOF BIN MOHD YUNUS

SAYA JUGA BERSETUJU UNTUK MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN DI
DALAM ATURCARA PENGUNDIAN SEPERTIMANA YANG TELAH DITETAPKAN
OLEH ANAK-ANAK BUAH LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU) DI DALAM
PERJUMPAAN BERTARIKH 12HB JULAI 1998 IAITU MELALUI SISTEM UNDI
SULIT.

YANG BENAR



NAMA: MOHD YUSOFF B. ABD AIZ

TARIKH: 19/7/98

BORANG "A"

PENGESAHAN PENERIMAAN PENCALONAN


SAYA JD MOHAMED TAN B SADAN K/P NO. 410702-05-524 BERALAMAT DI
NO 4 KG. PADANG BINTAS JILID SERI MENANTI
N. SENGILAN DARUL KEHARAU.

DENGAN INI, MENERIMA PENAWARAN SEBAGAI CALON DATO' LEMBAGA PADUKA LUAK
GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU).

SAYA JUGA BERSETUJU UNTUK MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN DI DALAM
ATURCARA PEMILIHAN SEPERTIMANA YANG TELAH DITETAPKAN OLEH ANAK-ANAK BUAH
LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU) DI DALAM PERJUMPAAN BERTARIKH 12HB
JULAI 1998 IAITU MELALUI SISTEM UNDIL SULIT. SAYA JUGA MEMAHAMI BAHAWA
SETELAH DILANTIK, SAYA JUGA BOLEH DILUCUTKAN PESAKA TERSEBUT, SEKIRANYA
TIDAK MENETAPI PERATURAN & TANGGUNGJAWAB DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG
PASIR.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

YANG BENAR



NAMA: MOHAMED TAN B SADAN

TARIKH: 27-7-98

*LAMP: BERSAMA-SAMA INI DILAMPIRKAN 2 KEPING GAMBAR UKURAN PASSPORT
(HITAM PUTIH) UNTUK TINDAKAN SELANJUTNYA.

BORANG "B"


PENERIMAAN PERLANTIKAN

SAYA BAMUDIN B HS BAROR K/P 34.02.01-05-5157
BERALAMAT DI KG BKT LINTANG
TISD SERI MENANTI NSDK

DENGAN INI BERSETUJU UNTUK DILANTIK SEBAGAI PEMERHATI/WAKIL
CALON KEPADA HT MUHAMMAD TAN 'B' SUDAN

SAYA JUGA BERSETUJU UNTUK MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN DI
DALAM ATURCARA PEMILIHAN SEPERTIMANA YANG TELAH DITETAPKAN
OLEH ANAK-ANAK BUAH LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU) DI DALAM
PERJUMPAAN BERTARIKH 12HB JULAI 1998 IAITU MELALUI SISTEM UNDI
SULIT.

YANG BENAR


.....
NAMA: Bamudin B HS BAROR
TARIKH: 27

HAJI MALEK BIN TUBAH
KAMPONG MERTANG
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

18hb Julai 1998

Kepada :

Ygbhg. En. Abd. Hadi Malek
Kampung Paya Kumbuh
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

Assalamualaikum wbth.

Ygbhg. En. Abd. Hadi

PENAWARAN SEBAGAI CALON BAGI PEMILIHAN DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU).

Perkara di atas dan surat mengenainya bertarikh 14hb Julai 1998 adalah dengan hormatnya dirujuk.

Sukacita dimaklumkan setelah menerima penjelasan dan persetujuan mengenai perkara-perkara dasar berkaitan dengan pencalonan tuan, dengan ini, anak-anak buah Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu), mengambil keputusan bahawa tuan adalah LAYAK disenaraikan sebagai Calon bagi pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu).

*Bagi menyempurnakan kerja-kerja Penamaan Calon-Calun bagi pemilihan berkenaan, adalah diharapkan tuan dapat mengembalikan kepada saya perkara-perkara berikut pada atau sebelum **27HB JULAI 1998(ISNIN)**.*

- (01) Menandatangani Borang A (Borang Persetujuan Penamaan Calon)
- (02) Menyertakan 2 keping gambar ukuran passport (Hitam Putih)
- (03) Mengembalikan Borang B (Borang Persetujuan & Penamaan Pemerhati/Wakil Calon)

Sehubungan dengan ini, Perjumpaan Buapak bersama Calon-Calon dan Besar-Besar Waris telah dirancang pada tarikh yang akan ditetapkan bagi mendapatkan persetujuan mengenai tarikh, masa dan tempat bagi menjalankan pemilihan berkenaan. Taklimat mengenai proses pengundian juga akan diberikan pada Perjumpaan tersebut.

Dengan ini, bagi pihak anak-anak buah Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu), sukacita saya mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas penamaan tuan sebagai Calon Bagi Pemilihan Dato'.Lembaga Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu).

Sekian, Wassalam.

Yang benar



HAJI MALEK BIN TUBAH
Buapak
Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)

s.k.: Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.
-Untuk makluman Ygbhg, Dato'.

HAJI MALEK BIN TUBAH
KAMPONG MERTANG
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

18hb Julai 1998

Kepada :

Tuan Haji Mohd Yusof Yunus
Kampung Gunung Pasir
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

Assalamualaikum wbth.

Ygbhg. Tuan Haji Mohd Yusof

PENAWARAN SEBAGAI CALON BAGI PEMILIHAN DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU).

Perkara di atas dan surat mengenainya bertarikh 14hb Julai 1998 adalah dengan hormatnya dirujuk.

Sukacita dimaklumkan setelah menerima penjelasan dan persetujuan mengenai perkara-perkara dasar berkaitan dengan pencalonan Tuan Haji, dengan ini, anak-anak buah Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu), mengambil keputusan bahawa Tuan Haji adalah LAYAK disenaraikan sebagai Calon bagi pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu).

Bagi menyempurnakan kerja-kerja Penamaan Calon-Calon bagi pemilihan berkenaan, adalah diharapkan Tuan Haji dapat mengembalikan kepada saya perkara-perkara berikut pada atau sebelum 27HB JULAI 1998 (ISNIN).

- (01) Menandatangani Borang A (Borang Persetujuan Penamaan Calon)*
- (02) Menyertakan 2 keping gambar ukuran passport (Hitam Putih)*
- (03) Mengembalikan Borang B (Borang Persetujuan & Penamaan Pemerhati/Wakil Calon)*

Sehubungan dengan ini, Perjumpaan Buapak bersama Calon-Calon dan Besar-Besar Waris telah dirancang pada tarikh yang akan ditetapkan bagi mendapatkan persetujuan mengenai tarikh, masa dan tempat bagi menjalankan pemilihan berkenaan. Taklimat mengenai proses pengundian juga akan diberikan pada Perjumpaan tersebut.

Dengan ini, bagi pihak anak-anak buah Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu), sukacita saya mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas penamaan Ygbhg. Tuan Haji sebagai Calon Bagi Pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu).

Sekian, Wassalam.

Yang benar



HAJI MALEK BIN TUBAH

Buapak

Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)

s.k. : Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir

71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

-Untuk makluman Ygbhg, Dato'.

HAJI MALEK BIN TUBAH
KAMPONG MERTANG
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

18hb Julai 1998

Kepada :

Yg.bhg. En. Abd. Hadi Malek
Kampung Paya Kumbuh
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

Assalamualaikum wbth.

Yg.bhg. En. Abd. Hadi

PENAWARAN SEBAGAI CALON BAGI PEMILIHAN DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR (SUKU TIGA BATU).

Perkara di atas dan surat mengenainya bertarikh 14hb Julai 1998 adalah dengan hormatnya dirujuk.

Sukacita dimaklumkan setelah menerima penjelasan dan persetujuan mengenai perkara-perkara dasar berkaitan dengan pencalonan tuan, dengan ini, anak-anak buah Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu), mengambil keputusan bahawa tuan adalah LAYAK disenaraikan sebagai Calon bagi pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu).

Bagi menyempurnakan kerja-kerja Penamaan Calon-Calon bagi pemilihan berkenaan, adalah diharapkan tuan dapat mengembalikan kepada saya perkara-perkara berikut pada atau sebelum 27HB JULAI 1998(1SNIN).

- (01) Menandatangani Borang A (Borang Persetujuan Penamaan Calon)
- (02) Menyertakan 2 keping gambar ukuran passport (Hitam Putih)
- (03) Mengembalikan Borang B (Borang Persetujuan & Penamaan Pemerhati/Wakil Calon)

Sehubungan dengan ini, Perjumpaan Buapak bersama Calon-Calon dan Besar-Besar Waris telah dirancang pada tarikh yang akan ditetapkan bagi mendapatkan persetujuan mengenai tarikh, masa dan tempat bagi menjalankan pemilihan berkenaan. Taklimat mengenai proses pengundian juga akan diberikan pada Perjumpaan tersebut.

Dengan ini, bagi pihak anak-anak buah Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu), sukacita saya mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas penamaan Ygbhg. Tuan Haji sebagai Calon Bagi Pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu).

Sekian, Wassalam.

Yang benar



HAJI MALEK BIN TUBAH

Buapak

Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)

s.k. : Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir

71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

-Untuk makluman Ygbhg, Dato'.

HAJI MALEK BIN TUBAH
KAMPONG MERTANG
71550 SRI MENANTI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

14HB JULAI 1998

Kepada :

Tuan Haji Mohd Yusof Yunus
Kampung Gunung Pasir
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

Assalamualaikum wbtih.

Ybgh. Tuan Haji Mohd Yusof Yunus

PENAWARAN DIRI MENUNTUT PESAKA DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR.

Pesaka di atas dan Perjumpaan Buapak dengan Anak-Anak Buah pada 12hb Julai 1998 adalah dengan hormatnya dirujuk. Bagi pihak anak-anak buah (Suku Tiga Batu), saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian Ygbhg. Tu Haji menawarkan diri bagi menuntut pesaka Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.

Sukacila dimaklumkan Perjumpaan dengan Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir telah diadakan pada 13hb Julai 1998 jam 2.40 petang bagi menentukan penafsiran istilah 'Luak' dan 'Penamaan Calon-Calon Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir sepertimana yang disarankan oleh anak-anak buah. Perjumpaan ini telah dihadiri oleh Tuan Haji Salim Shapie (Wakil Kg. Bukil Lintang), Tuan Haji Saleh Taib (Wakil Kg. Pulau), En. Adam Ibin (Wakil Tanjong Sepam) serta Pn. Normawati Mahat (Pencatat Peiselujuan).

Berikut adalah persafahaman dan keputusan bersama yang telah diambil di dalam perjumpaan tersebut :

01. Penjelasan daripada Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir mengenai penafsiran 'Luak' sepertimana yang dipohon oleh anak-anak buah (Para 1, m/s 4, di dalam Peraturan & Tanggungjawab Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir) bermaksud LUAK GUNUNG PASIR.

02. Penawaran diri Ygbhg. Tuan Haji untuk dicalonkan di dalam Pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir adalah tertakluk kepada syarat berikut :
01. Perbincangan dengan Buapak Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) mengenai beberapa perkara dasar berkaitan dengan pencalonan Ygbhg. Tuan Haji.

Dengan ini, sukacila dipohon agar Ygbhg. Tuan Haji dapat mengadakan perbincangan dengan Buapak sebelum 21hb Julai 1998 agar perlimbangan sebagai calon di dalam Pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir dapat disempurnakan dengan segera.

Sekian, Wassalam.

Yang benar



HJ MALEK BIN TUBAH
Buapak
Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)

s.k. Ygbhg. Dato' Mansor Gampam.

Penghulu Luak Gunung Pasir
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

-Bersama-sama ini dilampirkan ULASAN mengenai pencalonan beliau.

ULASAN

Saya bagi pihak anak-anak buah (Suku Tiga Batu), mengambil keputusan untuk menanggungkan penawaran pencalonan kepada Tuan Haji Mohd Yusof Yunus bagi Pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu). Ini adalah bertujuan untuk memberikan masa dan ruang bagi saya, membentuk persefahaman dan persetujuan mengenai beberapa perkara dasar di dalam adat istiadat yang perlu diselaraskan dan diambil tindakan oleh Buapak Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu), sekiranya beliau dilantik di dalam Pemilihan berkenaan.

Perkara yang perlu dipersetujui dan diselaraskan adalah seperti berikut :

Mewujudkan semula kesatuan anak-anak buah di dalam Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) melalui :

01. **PENEMPATAN SEMULA QARIAH MASJID ANAK-ANAK BUAH LUAK GUNUNG PASIR (SUKUT TIGA BATU) DI DALAM LUAK GUNUNG PASIR.**

Menyokong Buapak di dalam usaha untuk menempatkan semula anak-anak buah Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) yang berkediaman di dalam Luak Gunung Pasir adalah Qariah Masjid di dalam Luak Gunung Pasir.

02. **PENGIKTIRAFAN PEGAWAI-PEGAWAI MASJID GUNUNG PASIR**

Menyokong Buapak bagi membuat ketetapan agar anak-anak buah Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) di dalam menjalankan adat istiadat seperti perkahwinan mestilah mengiktiraf dan menjemput pegawai-pegawai Masjid Qariah Gunung Pasir bagi menyempurnakan adat istiadat di dalam majlis.

RASIONAL

Adalah dianggap penting oleh anak-anak buah bagi mendapatkan persetujuan awalan agar tidak berlaku percanggahan pendapat dan kepentingan di dalam usaha-usaha menyelaraskan dasar-dasar tersebut yang pernah disarankan kepada beliau oleh Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir, semasa beliau menjadi Buapak terdahulu.

Sekian, adalah diharapkan penjelasan ini menepati maksud dan semangat adat yang kita amalkan.

H.J. MALEK BIN TUBAH

HAJI MALEK BIN TUBAH
KAMPONG MERTANG
71550 SRI MENANTI
NEGERI SEMBILAN D.K.

14HB JULAI 1998

Kepada :

Tuan Haji Mohamed Tan Bin Sadan
Kampong Merual
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

Assalamualaikum wbth.

Ygbhg. Tuan Haji Mohamed Tan

PENAWARAN DIRI MENUNTUT PESAKA DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR.

Perkara di atas dan Perjumpaan Buapak dengan Anak-Anak Buah pada 12hb Julai 1998 adalah dengan hormatnya dirujuk. Bagi pihak anak-anak buah (Suku Tiga Batu), saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian tuan menawarkan diri bagi menuntut pesaka Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.

Sukacita dimaklumkan Perjumpaan dengan Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir telah diadakan pada 13hb Julai 1998 jam 2.40ptg. bagi menentukan penafsiran istilah 'Luak' dan 'Penamaan Calon-Calon Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir sepertimana yang disarankan oleh anak-anak buah. Perjumpaan ini telah dihadiri oleh Tuan Haji Salim Shapie (Wakil Kg. Bkt. Lintang), Tuan Haji Saleh Taib (Wakil Kg. Pulau), En. Adam Ibin (Wakil Kg. Tanjung Sepam) serta Pn Normawati Mahat (Pencatat Persetujuan).

Berikut adalah persefahaman dan keputusan bersama yang telah diambil di dalam perjumpaan tersebut :

01. Penjelasan daripada Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir mengenai penafsiran 'Luak' sepertimana yang dipohon oleh anak-anak buah (Para.1, m/s 4, di dalam Peraturan & Tanggungjawab Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir) bermaksud LUAK GUNUNG PASIR.

02. Penawaran diri Ygbhg. Tuan Haji untuk dicalonkan di dalam Pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir adalah tertakluk kepada syarat berikut :

(01) Perbincangan dengan Buapak Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) mengenai beberapa perkara dasar mengenai penawaran pencalonan kepada Ygbhg. Tuan Haji.

Dengan ini, sukacita dipohon agar Ygbhg. Tuan Haji berbincang dengan Buapak sebelum **21hb Julai 1998** agar pertimbangan sebagai calon di dalam Pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir dapat disempurnakan dengan segera.

Sekian, Wassalam.

Yang benar



HJ MALEK BIN TUBAH
Buapak
Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)

s.k. : Ygbhg. Dato' Mansor Gampam
Pengkulu Luak Gunung Pasir
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

-Bersama-sama ini dilampirkan ULASAN mengenai pencalonan beliau.

ULASAN

Saya bagi pihak Anak-Anak Buah (Suku Tiga Batu) tidak dapat mempertimbangkan permohonan Ygbhg. Tuan Haji Mohamed Tan Bin Sadan berdasarkan kepada faktor berikut :

01. Beliau berkerjaya sebagai pemandu teksi adalah tidak bersesuaian dengan kedudukan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.

Dengan ini, anak-anak buah (Suku Tiga Batu) telah mengambil keputusan untuk mendapat persetujuan daripada beliau agar melepaskan kerjaya beliau sebagai pemandu teksi, sekiranya dilantik menjadi Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir di dalam Pemilihan berkenaan.

RASIONAL

01. Adalah tidak sesuai dan menetapi kehendak adat perpatih demi memelihara martabat Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir di kalangan anak-anak buah (Suku Tiga Batu).

Sekian, adalah diharapkan penjelasan ini menetapi maksud dan semangat adat yang kita amalkan.

HJ. MALEK BIN TUBAH

HAJI MALEK BIN TUBAH
KAMPONG MERTANG
71550 SRI MENANTI
NEGERI SEMBILAN D.K.

14HB JULAI 1998

Kepada :
Ygbhg. En. Shahrudin Mohd Sheh
Kampung Mertang
71550 Sri Menanti
Negeri Sembilan Darul Khusus

Assalamualaikum wbth.

Ygbhg. En. Shahrudin

PENAWARAN DIRI MENUNTUT PESAKA DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR.

Perkara di atas dan Perjumpaan Buapak Dengan Anak-Anak Buah pada 12hb Julai 1998 adalah dengan hormatnya dirujuk. Bagi pihak anak-anak buah (Suku Tiga Batu), saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian tuan menawarkan diri bagi menuntut pesaka Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.

Sukacita dimaklumkan Perjumpaan dengan Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir telah diadakan pada 13hb Julai 1998 jam 2.40ptg. bagi menentukan penafsiran istilah 'Luak' dan 'Penamaan Calon-Calun Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir sepertimana yang disarankan oleh anak-anak buah. Perjumpaan ini telah dihadiri oleh Tuan Haji Salim Shapie (Wakil Kg. Bkt. Lintang), Tuan Haji Saleh Taib (Wakil Kg. Pulau), En. Adam Ibin (Wakil Kg. Tanjung Sepam) serta Pn Normawati Mahat (Pencatat Perseetujuan).

Berikut adalah persefahaman dan keputusan bersama yang telah diambil di dalam perjumpaan tersebut :

01. Penjelasan daripada Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir mengenai penafsiran 'Luak' sepertimana yang dipohon oleh anak-anak buah (Para.1, m/s 4, di dalam Peraturan & Tanggungjawab Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir) bermaksud LUAK GUNUNG PASIR.

02. *Persefahaman dan keputusan bersama juga telah diambil bahawa penawaran diri daripada anak-anak buah yang berkahwin di luar Luak Gunung Pasir adalah tidak sesuai dipertimbangkan, sekiranya kedapatan calon-calon lain yang "beristerikan perempuan di dalam Luak dan tinggal di dalam Luak" setelah dikaji kepentingannya sepertimana yang tertera di dalam peraturan berkenaan.*

Dengan ini, dukacita dimaklumkan bahawa penawaran diri tuan untuk menuntut pesaka Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir yang berkahwin di luar Luak Gunung Pasir tidak dapat dipertimbangkan oleh anak-anak buan demi memelihara ketulusan dan keluhuran martabat Adat Perpatih yang kita amalkan.

Sekian, Wassalam.

Yang benar



HJ MALEK BIN TUBAH

Buapak

Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)

s.k.

Ygbhg. Dato' Mansor Gampam

Penghulu Luak Gunung Pasir

-Bersama-sama ini dilampirkan ULASAN mengenai keputusan pencalonan beliau.

ULASAN

Saya bagi pihak Anak-Anak Buah (Suku Tiga Batu) tidak dapat mempertimbangkan permohonan Ygbhg. En. Shaharudin Mohd Sheh setelah mengkaji profil peribadi calon yang berkahwin di Luar Luak berdasarkan kepada faktor berikut :

01. Adalah juga adil dan wajar sekiranya kedapatan calon-calon yang menetapi kehendak dan peraturan pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung menuntut hak pesaka Dato' Lembaga sebagai Syarat Utama kerana calon-calon sedemikian akan lebih berkemampuan untuk menjalankan Peranan & Tanggungjawabnya sebagai Dato' Lembaga di dalam Luak Gunung Pasir.
02. Adalah dianggap tidak bersesuaian dan menetapi Peraturan Dan Tanggungjawab Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir oleh anak-anak buah (Suku Tiga Batu) untuk menyandarkan dan mendirikan Adat Istiadat di TELATAK LEMBAGA di luar Luak Gunung Pasir, sekiranya calon Dato' Lembaga berkahwin di luar Luak Gunung Pasir.

RASIONAL

01. Adalah dianggap tidak menetapi kehendak dan semangat Adat Perpatih, sekiranya keistimewaan kedudukan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir dipanjangkan di luar Luak, iaitu Luak Muar atau mengkehendaki anak-anak buah daripada Luak yang lain, mengangkat taraf dan kedudukannya sebagai Dato' lembaga, sekiranya Luak berkenaan mengamalkan Peraturan Adat Perpatih kerana statusnya di dalam Luak tersebut adalah Orang Semenda. Dengan ini, memandangkan ada calon-calon yang menetapi peraturan, anak-anak buah mengambil keputusan untuk tidak mempertimbangkan penuntutan beliau, demi memelihara kedudukan dan martabat Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.
02. Adalah dianggap suatu permasalahan kepada anak-anak buah (Suku Tiga Batu) sekiranya, mereka memerlukan kehadiran, rundingan dan pandangan Dato' Lembaga jika beliau tidak tinggal di dalam Luak yang bermaksud TELATAK LEMBAGA yang terletak di luar Luak Gunung Pasir.

Sekian, adalah diharapkan penjelasan ini menetapi maksud dan kehendak adat yang kita amalkan.

HJ. MALEK BIN TUBAH

HAJI MALEK BIN TUBAH
KAMPONG MERTANG
71550 SRI MENANTI
NEGERI SEMBILAN D.K.

14HB JULAI 1998

Kepada :

Tuan Haji Mohamed Tan Bin Sadan
Kampong Merual
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

Assalamualaikum wbth.

Ygbhg. Tuan Haji Mohamed Tan

PENAWARAN DIRI MENUNTUT PESAKA DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR.

Perkara di atas dan Perjumpaan Buapak dengan Anak-Anak Buah pada 12hb Julai 1998 adalah dengan hormatnya dirujuk. Bagi pihak anak-anak buah (Suku Tiga Batu), saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian tuan menawarkan diri bagi menuntut pesaka Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.

Sukacita dimaklumkan Perjumpaan dengan Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir telah diadakan pada 13hb Julai 1998 jam 2.40ptg. bagi menentukan penafsiran istilah 'Luak' dan 'Penamaan Calon-Calon Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir sepertimana yang disarankan oleh anak-anak buah. Perjumpaan ini telah dihadiri oleh Tuan Haji Salim Shapie (Wakil Kg. Bkt. Lintang), Tuan Haji Saleh Taib (Wakil Kg. Pulau), En. Adam Ibin (Wakil Kg. Tanjung Sepam) serta Pn Normawati Mahat (Pencatat Persetujuan).

Benkut adalah persefahaman dan keputusan bersama yang telah diambil di dalam perjumpaan tersebut :

01. Penjelasan daripada Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir mengenai penafsiran 'Luak' sepertimana yang dipohon oleh anak-anak buah (Para.1, m/s 4, di dalam Peraturan & Tanggungjawab Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir) bermaksud LUAK GUNUNG PASIR.


02. Penawaran diri Ygbhg. Tuan Haji untuk dicalonkan di dalam Pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir adalah tertakluk kepada syarat berikut :

(01) Perbincangan dengan Buapak Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) mengenai beberapa perkara dasar mengenai penawaran pencalonan kepada Ygbhg. Tuan Haji.

Dengan ini, sukacita dipohon agar Ygbhg. Tuan Haji berbincang dengan Buapak sebelum 21hb Julai 1998) agar pertimbangan sebagai calon di dalam Pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir dapat disempurnakan dengan segera.

Sekian, Wassalam.

Yang benar


HJ MALEK BIN TUBAH
Buapak
Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)

s.k. : Ygbhg. Dato' Mansor Gampam
Pengkulu Luak Gunung Pasir
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.
-Bersama-sama ini dilampirkan ULASAN mengenai pencalonan beliau.

ULASAN

Saya bagi pihak Anak-Anak Buah (Suku Tiga Batu) tidak dapat mempertimbangkan permohonan Ygbhg. Tuan Haji Mohamed Tan Bin Sadan berdasarkan kepada faktor berikut :

01. Beliau berkerjaya sebagai pemandu teksi adalah tidak bersesuaian dengan kedudukan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.

Dengan ini, anak-anak buah (Suku Tiga Batu) telah mengambil keputusan untuk mendapat persetujuan daripada beliau agar melepaskan kerjaya beliau sebagai pemandu teksi, sekiranya dilantik menjadi Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir di dalam Pemilihan berkenaan.

RASIONAL

01. Adalah tidak sesuai dan menetapi kehendak adat perpatih demi memelihara martabat Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir di kalangan anak-anak buah (Suku Tiga Batu).

Sekian, adalah diharapkan penjelasan ini menetapi maksud dan semangat adat yang kita amalkan.

HJ. MALEK BIN TUBAH

HAJI MALEK BIN TUBAH
KAMPONG MERTANG
71550 SRI MENANTI
NEGERI SEMBILAN D.K.

14HB JULAI 1998

Kepada :
Ygbhg. Tn. Haji Ibrahim Bin Kidam
Kampung Pulau
71550 Sri Menanti
Negeri Sembilan Darul Khusus

Assalamualaikum wbth.

Ygbhg. Tn. Haji Ibrahim Bin Kidam

PENAWARAN DIRI MENUNTUT PESAKA DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR.

Perkara di atas dan Perjumpaan Buapak dengan Anak-Anak Buah pada 12hb Julai 1998 adalah dengan hormatnya dirujuk. Bagi pihak anak-anak buah (Suku Tiga Batu), saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian tuan menawarkan diri bagi menuntut pesaka Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.

Sukacita dimaklumkan Perjumpaan dengan Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir telah diadakan pada 13hb Julai 1998 jam 2.40ptg. bagi menentukan penafsiran istilah 'Luak' dan 'Penamaan Calon-Calon Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir sepertimana yang disarankan oleh anak-anak buah. Perjumpaan ini telah dihadiri oleh Tuan Haji Salim Shapie (Wakil Kg. Bkt. Lintang), Tuan Haji Saleh Taib (Wakil Kg. Pulau), En. Adam Ibin (Wakil Kg. Tanjung Sepam) serta Pn Normawati Mahat (Pencatat Persetujuan).

Berikut adalah persefahaman dan keputusan bersama yang telah diputuskan di dalam perjumpaan tersebut :


- 01. Penjelasan daripada Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir mengenai penafsiran 'Luak' sepertimana yang dipohon oleh anak-anak buah (Para.1, m/s 4, di dalam Peraturan & Tanggungjawab Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir) bermaksud LUAK GUNUNG PASIR.*

02. *Persefahaman dan keputusan bersama juga telah diambil bahawa penawaran diri daripada anak-anak buah yang berkahwin di luar Luak Gunung Pasir adalah tidak sesuai dipertimbangkan, sekiranya kedapatan calon-calon lain yang "beristerikan perempuan di dalam Luak dan tinggal di dalam Luak" setelah dikaji kepentingannya dari perspektif salasilah adat istiadat perpatih, sepertimana yang tertera di dalam peraturan berkenaan.*

Dengan ini, dukacita dimaklumkan bahawa penawaran diri tuan untuk menuntut pesaka Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir yang berkahwin di luar Luak Gunung Pasir tidak dapat dipertimbangkan oleh anak-anak buan demi memelihara ketulusan dan keluhuran martabat Adat Perpatih yang kita amalkan.

Sekian, Wassalam.

Yang benar



HJ MALEK BIN TUBAH

Buapak

Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)

s.k.

Ygbhg. Dato' Mansor Gampam

Penghulu Luak Gunung Pasir

-Bersama-sama ini dilampirkan ULASAN mengenai pencalonan beliau.

ULASAN

Saya bagi pihak Anak-Anak Buah (Suku Tiga Batu) tidak dapat mempertimbangkan permohonan Ygbhg. Tn. Haji Ibrahim Bin Kidam setelah mengkaji profil peribadi calon yang berkahwin di Luar Luak berdasarkan kepada faktor berikut :

01. Adalah bersesuaian, adil dan wajar sekiranya kedapatan calon-calon yang menetapi kehendak dan peraturan pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung menuntut hak pesaka Dato' Lembaga sebagai Syarat Utama kerana calon-calon yang sedemikian akan berkemampuan untuk menjalankan Peranan & Tanggungjawabnya sebagai Dato' Lembaga di dalam Luak Gunung Pasir dengan baik.
02. Adalah dianggap tidak bersesuaian dan menetapi Peraturan Dan Tanggungjawab Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir oleh anak-anak buah (Suku Tiga Batu) untuk menyandarkan dan mendirikan Adat Istiadat di TELATAK LEMBAGA yang di luar Luak, sekiranya calon Dato' Lembaga berkahwin di luar Luak Gunung Pasir.

RASIONAL

01. Adalah dianggap tidak menetapi kehendak dan semangat Adat Perpatih, sekiranya keistimewaan kedudukan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir dipanjangkan di luar Luak, iaitu Luak Muar atau mengkehendaki anak-anak buah daripada Luak yang lain, mengangkat taraf dan kedudukannya sebagai Dato' Lembaga, sekiranya Luak berkenaan mengamalkan Peraturan Adat Perpatih kerana statusnya di dalam Luak tersebut adalah Orang Semenda. Dengan ini, memandangkan ada calon-calon yang menetapi peraturan, anak-anak buah mengambil keputusan untuk tidak mempertimbangkan penuntutan beliau, demi memelihara kedudukan dan martabat Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.
02. Adalah dianggap suatu permasalahan kepada anak-anak buah (Suku Tiga Batu) sekiranya, mereka memerlukan kehadiran, rundingan dan pandangan Dato' Lembaga jika beliau tidak tinggal di dalam Luak yang bermaksud TELATAK LEMBAGA yang terletak di luar Luak Gunung Pasir.

Sekian, adalah diharapkan penjelasan ini menetapi maksud dan kehendak adat yang kita amalkan.

HJ. MALEK BIN TUBAH

HAJI MALEK BIN TUBAH
KAMPONG MERTANG
71550 SRI MENANTI
NEGERI SEMBILAN D.K.

14HB JULAI 1998

Kepada :
Ygbhg. En. Abd. Hadi Bin Malek
Kampong Paya Kumbuh
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

Assalamualaikum wbth.

Ygbhg. En. Abd. Hadi Bin Malek

PENAWARAN DIRI MENUNTUT PESAKA DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR.

Perkara di atas dan Perjumpaan Buapak dengan Anak-Anak Buah pada 12hb Julai 1998 adalah dengan hormatnya dirujuk. Bagi pihak anak-anak buah (Suku Tiga Batu), saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian tuan menawarkan diri bagi menuntut pesaka Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.

Sukacita dimaklumkan Perjumpaan dengan Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir telah diadakan pada 13hb Julai 1998 jam 2.40ptg. bagi menentukan penafsiran istilah 'Luak' dan 'Penamaan Calon-Calon Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir sepertimana yang disarankan oleh anak-anak buah. Perjumpaan ini telah dihadiri oleh Tuan Haji Salim Shapie (Wakil Kg. Bkt. Lintang), Tuan Haji Saleh Taib (Wakil Kg. Pulau), En. Adam Ibin (Wakil Kg. Tanjung Sepam) serta Pn Normawati Mahat (Pencatat Persetujuan).

Berikut adalah persefahaman dan keputusan bersama yang telah diambil di dalam perjumpaan tersebut :

01. Penjelasan daripada Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir mengenai penafsiran 'Luak' sepertimana yang dipohon oleh anak-anak buah (Para.1, m/s 4, di dalam Peraturan & Tanggungjawab Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir) bermaksud LUAK GUNUNG PASIR.

02. Penawaran diri tuan untuk dicalonkan di dalam Pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

(01) Menandatangani **Pengakuan Bertulis** dan menghantarnya kepada Buapak Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) dengan menyatakan kesanggupan tuan untuk mengadakan adat istiadat mendirikan perlantikan Dato' Lembaga di pesaka kediaman ibu atau saudara perempuan tuan yang akan diistiharkan sebagai TELAPAK LEMBAGA dan di kediaman tuan yang akan diistiharkan sebagai TELATAK LEMBAGA, sekiranya dilantik menjadi Dato' Lembaga di dalam pemilihan berkenaan.

(02) Mendapatkan tandatangan **Kebenaran Bertulis** daripada ibu atau saudara perempuan untuk mendirikan adat istiadat perlantikan Dato' Lembaga di TELAPAK LEMBAGA dan menghantarnya kepada Buapak Luak Gunung Pasir, sekiranya dilantik menjadi Dato' Lembaga di dalam pemilihan berkenaan.

Dengan ini, sukacita dipohon agar tuan menghantar lampiran-lampiran yang disediakan pada atau sebelum **21hb Julai 1998** kepada Buapak Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) untuk dipertimbangkan sebagai calon di dalam Pemilihan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.

Sekian, Wassalam.

Yang benar



HJ MALEK BIN TUBAH
Buapak
Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)

s.k. : Ygbhg. Dato' Mansor Gampam
Penghulu Luak Gunung Pasir
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.
-Bersama-sama ini dilampirkan ULASAN mengenai keputusan pencalonan
beliau.

KEBENARAN BERTULIS

Saya Kad Pengenalan No.
beralamat di
.....
adalah kepada
K/P No. dengan ini, memberikan kebenaran kepada beliau
untuk mendirikan Adat Istiadat Perlantikan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir di
kediaman saya dan mengistiharkannya sebagai TELAPAK LEMBAGA, sekiranya
dilantik menjadi Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir di dalam Pemilihan tersebut.

Sekian, Wassalam.

Yang benar

.....

Tarikh

Disaksikan Oleh :

Nama:

K/P No.

Alamat :

.....

Tarikh

PENGAKUAN BERTULIS

Saya Kad Pengenalan No.
beralamat di

dengan ini, mengaku kesanggupan saya mendirikan Adat Istiadat Perlantikan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir di TELAPAK LEMBAGA dan TELATAK LEMBAGA bagi menetapi Peraturan & Tanggungjawab Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir, sekiranya dilantik menjadi Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir di dalam Pemilihan berkenaan.

Saya juga memahami sekiranya kedua-dua istiadat ini tidak diadakan, maka, lucutlah pesaka saya sebagai Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir.

Sekian, Wassalam.

Yang benar

.....
Tarikh :

Disaksikan Oleh :

Nama:

K/P No.

Alamat :

.....

Tarikh :

ULASAN

Saya bagi pihak anak-anak buah (suku tiga batu) tidak dapat mempertimbangkan permohonan Ygbhg. Abd. Hadi Malek setelah mengkaji profil peribadi beliau dan siasatan ke atas rumah pesaka saudara perempuan telah dibuat dan didapati :

01. Rumah pesaka saudara perempuan beliau telah tidak didiami lagi. Siasatan juga telah membuktikan bahawa saudara perempuan beliau sedang menetap di Serting.
02. Adalah juga didapati keadaan rumah pesaka beliau dan persekitarannya masih di dalam keadaan yang baik dan terurus.

Dengan ini, anak-anak buah (suku tiga batu) mengambil keputusan untuk mendapatkan pengakuan bertulis daripada beliau mengenai kesanggupannya mendirikan adat Istiadat perlantikan Dato' Lembaga di TELAPAK dan di TELATAK LEMBAGA. Beliau juga dipohon mendapatkan kebenaran bertulis daripada saudara perempuan beliau bagi mendirikan adat istiadat perlantikan Dato' Lembaga di TELAPAK LEMBAGA, sekiranya dilantik menjadi Dato' Lembaga di dalam pemilihan berkenaan.

RASIONAL

Memandangkan mendirikan Adat Istiadat Perlantikan Dato' Lembaga di TELAPAK LEMBAGA dan TELATAK LEMBAGA adalah menepati Peraturan & Tanggungjawab Dato' Lembaga dan kedilaman saudara perempuan beliau masih di dalam keadaan yang baik, maka, keputusan anak-anak buah untuk mendapatkan pengakuan bertulis mengenai kesanggupan beliau mendirikan kedua-dua adat Istiadat tersebut dan mendapatkan kebenaran bertulis daripada saudara perempuan beliau untuk mengistiharkan kedilaman tersebut sebagai TELAPAK LEMBAGA adalah adil dan munasabah.

Sekian, adalah diharapkan penjelasan ini menepati maksud dan semangat adat yang kita amalkan.

HJ. MALEK BIN TUBAH

**KEHADIRAN KERAPATAN
PENAMAAN CALON DATO' PADUKA
SERI MAHAJAJA**

KA. BKT LINTANG.

12-7-98

BIL	Nama	T/Tangan	NO K/P
1	Hj Wajah Hj Sinf		7145453
2	Hj abd Malik		4232376
3	JADAM BIN IBIN		
4	JDRIS BIN JAHAI		
5	Hj mahot B alid	-	
6	" Ibrahim " Hj Karam	-	
7	BN Abd Hadi " Mahak	-	
8	" Shahrudin " Mohd Shih	-	
9	Hj Mohd Jaw " Sudan	-	
10	BN Razak " Adullah	-	
11	Hj Yusof " Hj Yusof	-	
12	B Hizam " David	-	
13	" Mohd Zain " Hj Basir	-	
14	Hj Salleh " Taib	-	
15	BN Hashim " Adullah	-	
16	" Hazrah " Mohd Shih	-	
17	BN Noriah Bt Manaf	-	
18	" Haliyah " Yusof	-	
19	Hjh Niah " Osman	-	
20	" Amnah " Ashad	-	
21	Pn Zaitun " Manaf	-	
22	" Piah " Shafie	-	
23	" Fuziah " Shafie	-	
24	Hjh Fatimah	-	

KEHADIRAN KERAPATAN
MELILIH CALON DATO' PADUKA
SERI MAHARAJA.

KG BET LINTANG.

12-7-78

No	Nama	T/Tangan	No KP
25	Siam Bt Katinan	-	
26	Semaq " Hj Yusof	-	
27	Bainas " Sasan	-	
28	Kanarang " Bt	-	
29	Pias " Samak	-	
30	Selamag " Tadin	-	
31	Tianah " Hsun	-	
32	Legan " Achek	-	
33	Siah " Sardin	-	
34	Kahayq " Yusof	-	
35	Ichah " Sallah	-	
36	Rafiah " Nagan	-	
37	Norhayati " Hj Mubgat	-	
38	Fadilah " Kajah	-	
39	Jumi B Sallah	-	
40	An Idris " Sagan	-	
41	An Jahuwa Bt Abd Rahman	-	
42	Hj Salim B Stafic	-	
43	An Ramleg Bt Sagan	-	

Abdul Hadi bin Malek
Kampong Paya Kumbuh ,
Gunung Pasir,
71550 Sri Menanti,
N.Sembilan DK.

Tarikh : 03.07.98

Kepada,

To'Pelembang Buapak Suku Tiga Batu,
Hj.Malek bin Tubah,
Kg.Mertang,G.Pasir,
71550 Sri Menanti,
N.Sembilan DK.

Mahesh
27.1998

Per : MENUNTUT PUSAKA ADAT DATO PEDUKA SRI MAHARAJA LEMBAGA SUKU
TIGA BATU LUAK GUNUNG PASIR.

Dengan segala hormatnya sukacita dimaalumkan bahawa adalah hamba Dato Abdul Hadi bin Malek dari Suku Tiga Batu Perut Pulau Besar memohon jawatan Pusaka Adat Dato Paduka Sri Maharaja yang meninggal dunia pada 26.05.98 yang lalu, hamba Dato harap dapat dipertimbangkan permohonan ini .

Sekiranya hamba Dato dilantik memegang Pusaka Dato Peduka Sri Maharaja ini hamba Dato berjanji patuh segala arahan dari yang Mulia Dato dan Adat .

PERTRANGAN PERIBADI HANBA DATO.

Nama penuh : Abdul Hadi bin Malek
Kad Pengenalan : 381107-05-5151
Tarikh lahir : 07.11.1938
Nama isteri : Ramnah bt.Jaalam,Kg.Paya Kumbuh,Gunung Pasir.
Perkerjaan : Pesara Kerajaan
Kelulusan : Darjah 6 melayu
Jawatan : Ahli Jawatankuasa Masjid Kariah G.Pasir
Ahli Jawatankuasa Khairat kematian G.Pasir.

Sekian untuk maalamon dengan harapan hamba Dato ini dapat dipertimbangkan sekian terima kasih.

Yang benar.

A.H.
.....
(Abdul Hadi bin Malek)

SURAT YANG BERTARIKH 3-7-1998
SOKONG TIDAK SEPENAH NYA

① TIDAK NAYATA KAN RUMAH TELAPAK
NYA

IBU SUDAH MENINGGAL .
SAUBARA PERGIPIHAN NYA ADA
TETAPI TIDAK TINGGAL DI RUMAH NYA
DIA DUDOK DI RUMAH ANAK NYA
DI SERTING

S/K. 1. Mengadap Kobawah Khaus Yang Mulia
Dato Orang Kaya Setiawan Mempasir
Penhulu Luak G.Pasir
Dato Hj.Mansor bin Gempam
Balai Penghulu G.Pasir
Kg.Sikai G.Pasir.

S/K. 2. Yang Mulia Tengku Alang
Tengku Dato Zubir bin Tengku Laksamana Nasir,
Ketua Penyelia Adat Luak Tanah Mengandong,
PK.No 3 jalan Laksamana 12/1 4000 Shah Alam

② DIA MASEH BER KERJA
WAKAN GAJI

S/K. 3. Yang Berbahagia,
Tuan Pegawai Daerah
72000 Kuala Pilah.

Haji Ibrahim bin. Haji Kidam,
Kampung Merual,
71550 Seri Meranti,
Negeri Sembilan.

8hb Julai 1998.

SURAT YANG BERTARIKH 8. JULAI 1998
SAYA TIDAK DAPAT HENDAK SOKONG

Yang Berbahagia Dato' Memperang
Haji Malek bin Tubah, *Mh. hwh*
Buapak Luak Gunung Pasir,
Suku Tiga Batu Luak Gunung Pasir,
Kg. Bukit Lintang,
71550 Seri Meranti,
Negeri Sembilan.

- ① DIA BERISIRI KAN SNI LEMAK PAHANG YAITU DI MERUAL
- ② RUMAH TELAPAK NYA TIDAK ADA IBU SUDAH MENINGGAL SAUDAR PEREMPUAN PUN SUDAH MENINGAL

Yang . Berbahagia Dato'.

MEMOHON DICALONKAN SEBAGAI DATO' PADUKA SERI MAHARAJA
DATO' LEMBAGA SUKU TIGA BATU LUAK GUNUNG PASIR YANG
MENINGGAL DUNIA PADA 27HB MEI 1998.

Dengan hormatnya saya seperti nama dan alamat tersebut diatas adalah dari Suku Tiga Batu (Perut Pulau) Luak Gunung Pasir diminta oleh anak-anak buah Suku Tiga Batu Luak Gunung Pasir supaya memohon dicalonkan sebagai 'wata benih' untuk menuntut anak Dato' Paduka Seri Maharaja, Dato' Lembaga Suku Tiga Batu yang hilang dan meninggal dunia. Paduka Paduka Seri Maharaja, Dato' Hashim bin. Kidam meninggal dunia pada 27/5/1998.

Untuk keterangan dan kemudahan Yang Berbahagia Dato' meneliti dan memanjangkan permohonan ini, bersama-sama ini saya lampirkan keterangan diri, pengalaman dan biodata saya.

Semoga permohonan ini ditenting, dicincang dan diteliti supaya menepati perbilangan adat: Alam Beraja, Penghulu Berluak, Lembaga Berlingkungan, Buapak Beranak-buah, berumpuk seorang satu, bertuan masing-masing', maka kini saya memajukan permohonan ini.

Wasallam. Terima kasih.

Saya yang benar,

Haji Ibrahim bin. Haji Kidam
.....
HAJI IBRAHIM BIN. HAJI KIDAM.

s.k. Yang Amat Mulia Ke Bawah Kaus,
Dato' Orang Kaya Setiawan Mempasir,
Dato' Hj Mansor bin. Gempam,
Dato' Penghulu Luak Gugung Pasir.

Y.A.M. Tengku Dato' Fenyelia Adat,
Tengku Dato' Zubir bin. Tengku Laksamana Nasir.

Y. Berbahagia Tuan Pegawai Daerah,
72000 Kuala Pilah.

KETERANGAN DIRI (DIODATA)

1. Nama : HJ IBRAHIM BIN. HJ. KIDAM.
2. Suku : TIGA BATU (PERUT PULAU).
3. Kad Pengenalan: 250310-05-5149.
4. Umur : 73 tahun.
5. Lulus Akademik : Malaysia Certificata of Education (M.C.E.)
: Teknikal Kolej Kuala Lumpur.
: Pesara Juruteknik Tertinggi Fusat Latihan Telekom.
6. Pengalaman : Bendahari Masjid Galau selama 9 tahun.
: Kumpulan Wardah Kg. Galau.
: Kumpulan Kenduri-kendara Galau.
: Tanah Wakaf Perkuburan Galau. *SEAI MERUAL*
7. Nama isteri : MARYAM BT. SUNTONG. (SUKU SRILEMAK PAHANG).
8. No. Kad Penge
malan. : 290415-05-5168. (69) Tahun.
9. Nama Bapa : HJ KIDAM BIN. WAHAB (SUKU BATU HAMPAR).
10. Nama Ibu : HJH ONET BT. OTHMAN (SUKU TIGA BATU).
11. Anak : 9 ORANG (5 LELAKI/ 4 PEREMPUAN).

Mohd Yusof Bin Md Yunus
Kampong Sikai
71550 SRI MENANTI
N.S.D.K.

1hb Julai 1998

Kepada:

Tuan Haji Malek Tubah
Buapak Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)
Kampong Mertang
71550 SRI MENANTI, N.S.D.K.

SURAT YANG BERTARIKH 1. JULY 1998

SAYA SOKONG PENOH
CHUKUP SARAI SARAI NYA
MENGIKUTI SARAI SARAI ADAT

Ygbbhg. Tuan Haji

**MENUNTUT PESAKA DATO' PADUKA SERI SUKU TIGA BATU
LUAK GUNUNG PASIR.**

Mengikut perbilangan Adat Kok Yang Patah Tumbuh Dan Yang Hilang Berganti, maka, dukacita dimaklumkan bahawa pusaka Dato' Seri Maharaja, Dato' Lembaga Suku Tiga Batu Luak Gunung Pasir, Allahyarham Dato' Paduka Seri Hashim Bin Kidam telah kembali ke Rahmatullah pada 27hb Mei 1998 dan kini pesaka tersebut kekosongan.

Mengikut adat yang ditatang diurca semenjak turun temurun Anak buah melantik Buapak dan Buapak mengadakan mata benih, jika ada kekosongan Dato' Lembaga, jadi setelah diminta dan didesak oleh anak buah, sukacita saya memajukan permohonan untuk mengisi kekosongan itu. Kerana desakan yang kuat daripada anak buah juga, terpaksa saya meluahkan pesaka Dato' Palembang yang saya sandang selama 35 tahun.

Saya adalah dari Suku Tiga Batu perut Pulau dan keterangan peribadi saya ditampirkan untuk pertimbangan Yg.bhg. Tuan Haji.

Dengan ini, besarlah harapan saya agar permohonan ini mendapat pertimbangan dan tindakan sewajarnya bagi kebaikan anak buah suku tiga batu Luak Gunung Pasir.

Wassalam, Terima Kasih.

Yang benar



MD. YUSOF MD YUNUS

s.k.

-Yang Mulia Tengku Dato' Zubir Bin Tengku Laksamana Nasir,
Tengku Alang Ketua Penyelia Adat Tanah Mengandung.

-Yg.bhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir

-Tuan Pengawai Daerah Kuala Pilah

KETERANGAN DIRI

1. NAMA PENUH : MD. YUSOF BIN YUNUS
2. KAD PENGENALAN : 361125-05-5165
3. TARIKH LAHIR : 25.11.1936
4. UMUR : 62 TAHUN
5. NAMA BAPA : MD YUNUS BIN SASAR
(Suku Srilemak Minangkabau)
6. NAMA IBU : KADRIAH BT UJANG
(Suku Tiga Batu)
7. PERSEKOLAHAN : TAMAT DARJAH 5 SEKOLAH MELAYU
8. PENGALAMAN
KERJA : -Bekas Tentera (12 Tahun)
-Imam Surau Kg. Kubur Sikai
-Setiausaha Masjid Gunung Pasir
9. NAMA ISTERI : INTAN BT ISA
(Suku Tanah Datar)
10. ANAK : 7 ORANG
(4 Lelaki 3 Peperempuan)

PENGAKUAN SAUDARA PEREMPUAN (TELAPAK LEMBAGA)

Adalah dengan ini, saya HASMAH BT. MD YUNUS menyokong permohonan abang saya MD. YUSOF MD YUNUS dan membenarkan jika terlantik memegang Pesaka Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu) beliau mendirikan perlantikan beliau di rumah saya.

Yang benar

Hasmah

HASMAH MD. ^{YUNUS} YUSOF

1

Haji Mohamed Tan bin Sadan,
No 4 Kampung Padang Biawas,
71550 Seri Menanti,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Yang Mulia,
Dato' Palembang,
Haji Malek bin Tubah,
Buapak Suku Tiga Batu,
Kampung Mertan,
71550 Seri Menanti,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Muhammad

02 JULAI 1998

Assalamualaikum Dato',

Penawaran Diri Menyandang Jawatan Dato' Paduka Seri Maharaja

Adalah dimaklumkan bahawa Jawatan Dato' Paduka Seri Maharaja Lembaga Suku Tiga Batu telah dikosongkan kerana kematian penyandanginya pada 26 MEI 1998 yang lalu.

2. Sehubungan itu bak kata perbilangan;

Biar mati anak jangan mati adat,
Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan,
Dianjak layu, dicabut mati,
Gemuk berpupuk, segar bersiram,
Berjengjang naik bertangga turun,
Patah tumbuh hilang berganti,
Pesaka bergilir seka berwaris,
Adat bersendi hukum, hukum bersendikan kitabu lah,
Syarak mengata, adat mengikut (memakai),
Adat dan syarak sanjar menyandar.

Bulat anak buah menjadikan Buapak,
Bulat Buapak menjadikan Lembaga,
Bulat Lembaga menjadikan Penghulu,
Bulat Penghulu menjadikan Raja.

Oleh itu saya ingin menawarkan diri untuk menjadi calon menyandang Jawatan Dato' Paduka Seri Maharaja, yang dikosongkan itu.

SURAI YANG BERTARIKH 2 JULY 1998

SAYA SOKONG PEKOH CHUKUP SARAI SARAI NYA

MENGIKUTI SARAI SARAI ADAT

3. Saya berikrar akan bersama-sama dengan Dato' Palembang, Dato' Penghulu dan dato'-dato' lembaga yang lain seperti kata perbilang:

Bulat air kerana pembedong,
Bulat kata kerana muafakat,
Ke gunung sama didaki,
Ke lurah sama dituruni,
Hati gajah sama dilapah,
Hati kuman sama dicecah.

Sekian hasrat hati saya, untuk makluman dato'. Bersama-sama ini disertakan lampiran A iaitu biodata mengenai diri saya.

Terima kasih.
"BIAR MATI ANAK JANGAN MATI ADAT".

Saya Yang Ikhlas,


.....
(Hj. Mohamed Tan bin Sadan).

s.k

Yg. bng. Dato' Mansor bin Gempam - Penghulu Luak Gunung Pasir.
Yg. bng. Tuan Pegawai Daerah Kuala Pilah.
Yg. bng. Tengku Penyal a Adat Perpatih Negeri Sembilan.

BICDATA CALUN.

Nama: - Haji Mohammed Tan bin Sadan

Alamat: - No. 4 Kampung Padang Biawas,
71550 Seri Menanti,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Suku: - Tiga Batu (Perut Pulau)

Umur: - 57 Tahun,

Tarikh Lahir: - 02 Julai 1941,

Tempat Lahir: - Kampung Bukit Lintang,
71550 Seri Menanti,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Kelulusan: - Darjah Tujuh Sekolah Melayu,
Sijil Rendah Pelajaran.

Pekerjaan: - Pesara Tentera,
Pangkat terakhir, Pegawai Waran Dua.

Tugas Sukarela: - Nazir Masjid, AJK FIOG sekolah rendah dan menengah,
AJK Politik Cawangan, AJK Persatuan Bekas Perajurit
Malaysia cawangan Kuala Pilah, Ahli Lembaga Pengarah
Korporasi Gunung Pasir Berhad.

Kegemaran: - Seni Budaya dan bergaul dengan masyarakat.

Anak: - 5 orang, Empat perempuan satu lelaki.

Nama Isteri: - Hajjah Siti Patimah binti A. Hamid,
Dari suku Serilemak Minangkabau, anak saudara
kepada Dato' Setia Lela.

Pekerjaan: - Surirumah.

Tarikh Lahir: - 30 Oktober 1950.

Tempat Lahir: - Kampung Padang Biawas,
71550 Seri Menanti,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Nama Bapa: - Sadan bin Sayan, (Meninggal dunia)
Dari suku Tanah Datar Sikai.

Tempat Lahir: - Kampung Sikai,
71550 Seri Menanti,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Nama Ibu: - Hajjah Minah binti Arshad,
Dari suku Tiga Batu perut Pulau.

..... o o o o o

Haji S

Shaharudin bin Mohd Seh,
Kampung Mertang, Gunung Pasir,
71550 Seri Meranti,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Yang Berbahagia Dato' Pelembang,
Tuan Haji Abdul Malek bin. Tubah, *Ahmad*
Buapak Suku Tiga Batu Luak Gunung Pasir,
Kampung Mertang, Gunung Pasir,
71550 Seri Meranti.

3 Julai 1998.

Yang Berbahagia Dato',

Memohon Memuntut Pusaka Dato' Paduka Seri Maharaja
Dato' Lembaga Suku Tiga Batu Luak Gunung Pasir.

Sukacita saya dimaklumkan oleh anak-anak buah Suku Tiga Batu Luak Gunung Pasir bawahannya Dato' Seri Maharaja Hashim bin. Kidan penyandang Dato' Paduka Seri Maharaja, Dato' Lembaga Suku Tiga Batu Luak Gunung Pasir telah kembali ke rumah-tuilah pada 27hb Mei 1998.

Mengikut Adat yang diguna-pakai dan diurca sejak turun temurun Pusaka Yang Hilang Karuslah Diganti dengan mata benih yang terdiri dari Tiga (3) Perut Suku Tiga Batu terdiri dari calon Perut Pulau, Perut Bukit Lintang dan Perut Tanjung Sepam. Maka Pusaka yang hilang hendaklah diganti dari kalangan Tiga Perut itu secara bergilir-gilir. Pusaka Yang Patah akan Tumbuh dan Yang Hilang Diganti.

Allahyarham Dato' Paduka Seri Maharaja Hashim bin. Kidan adalah dari Perut Tanjung Sepam, maka kini sampailah masa dan kebikanya calon mata benih tumbuh dikalangan anak buah Perut Pulau jaja. Maka saya yang diminta oleh anak-anak buah Suku Tiga Batu dari Perut Pulau mengajukan permohonan untuk diberikan pertimbangan dan diangkat lagi menyumbang Pusaka Yang Hilang itu.

Dengan ini saya kemukakan biodata serta keterangan pribadi saya bagi memudahkan urusan Dato' mencincang dan meniating permohonan ini untuk diberikan pertimbangan. Saya berjanji sekiranya Pusaka ini ada tuahnya keatas saya, akan saya junjung dan jalankan amarah ini dengan penuh mengikut adat istiadat yang diguna pakai selama ini.

Sekian dan terima kasih. Wasallam.

SURAT YANG BERTARIKH 3rd JULY 1998

TIDAK SOKONG

KERANA TIDAK MENGIKUTI SARAT SARAT ADAT

.....2/-

①

BER ISTERI KAN LUAK HILIR SERI
LEBIK LUNANG KABAU . DI MERTANG


②

MENGHANTAR SURAT BER SENDIRIAN
PADA DATUK PENGHULU LUAK GUNONG PASIR
SEPERTI NYA . HUSU SAMPAI PADA SAKA DAHULU
DAN SAYA AKAN BAWA PADA DATUK PENGHULU LUAK G. PASIR

KETERANGAN BICDATA PRIBADI SAYA.

1. Nama Peruh : Shabarudin bin Mohd Seh - Suku Tiga Batu.
2. Nama isteri : Siti Zaleha bt. Hj. Shafie - Suku Sri Lemak Mirangkabau.
3. Nama bapa : Dato' Johan Mohd Seh bin. Bahi - Suku Tanah Datar.
4. Nama ibu : Puan Saami bt. Sulaiman - Suku Tiga Batu (Pulau).
5. Number Kad Pengiraan: 320614-05-5085.
6. Tarikh lahir : 14-06-1932 (66) tahun.
7. Kelulusan Akademik : Darjah 5 (Melayu/Sekolah Tiggeris).
8. Pengalaman : Bekas Sarjan 1 Askar Melayu Diraja. (1950-1972).
: Bekas Pemangku Dato' Felembang.
: Bekas Ketua Kampung Mertang.
: Ahli Jawatankuasa Masjid Mertang.
: Ahli Umno cawangan Kampung Mertang.
: Bergaul dengan semua lapisan masyarakat.

Saya yang benar,


.....
Shabarudin bin. Mohd Seh.

Sekongian:

Hasmah
Puan Hasrah bt. Dato' Johan.
Ibu Soko Perut Pulau (Tiga B
Batu).

salinan kepada:

1. Ke Bawah Kaus Yang Mulia,
Dato' Orang Kaya Setiawan Mempasir,
Dato' Pengkulu Luak Gunung Pasir,
Balai Pengkulu Luak Gunung Pasir,
71550 Seri Meranti.
2. Yang Mulia Tengku Alang,
Tengku Dato' Zubir bin. Tengku Laksamana Nasir,
Ketua Penyelia Aist Tanah Mengandung,
No. 4 Rumah Laksamana, Jalan Laksamana 12/1,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
3. Tuan Pegawai Daerah,
72000 Kuala Pilah.
4. Yang Mulia Dato-Dato' Lembaga Yang Baram,
Luak Gunung Pasir.

PEMBERITAHUAN

(28hb Jun 1998)

Kepada : Anak-Anak Buah Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)
Daripada : Haji Malek Tubah
Buapak Luak Gunung Pasir (Suku Tiga Batu)

Ygbhg. Dato'/Tuan Haji/Tuan

PENAMAAN CALON-CALON DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR:

Perkara di atas dan perbincangan saya bersama Ygbhg. Dato' Penghulu Luak Gunung Pasir adalah dengan hormatnya dirujuk.


Dengan ini, sukacita diumumkan bahawa Perjumpaan Awalan bagi membincangkan Upacara Perlantikan & Pengistiharan Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir akan diadakan seperti berikut:

TARIKH : 12hb JULAI 1998 (AHAD)
MASA : 3.00 PETANG HINGGA 5.00 PETANG
TEMPAT : DI PERKARANGAN RUMAH:
PN. NORMAWATI MAHAT
KG. BKT. UNTANG, SRI MENANTI, N.S.D.K.

Adalah dipohon agar anak-anak buah (Singgah Giliran Kg. Pulau) yang berhasrat untuk menawarkan diri bagi memegang jawatan tersebut, menulis secara rasmi kepada saya pada atau sebelum 10HB JULAI (JUMAAT) JULAI 1998. Bersama-sama ini dilampirkan Peraturan & Tanggungjawab Dato' Lembaga Luak Gunung Pasir untuk rujukan Ygbhg. Dato'/Tuan Haji/Tuan selanjutnya.

Sekian, Wassalam.

Yang Menjalankan Tugas



Hj. Malek Bin Tubah

s.k.: Ygbhg. Dato' Mansor Bin Gampam (Penghulu Luak Gunung Pasir)
- untuk makluman Ygbhg. Dato'.
Ygbhg. Tuan Pegawai Daerah Kuala Pilah - untuk makluman Ygbhg. Tuan.
Ygbhg. Dato' Penyafa Adat Kuala Pilah - untuk makluman Ygbhg. Dato'.

**PERATURAN & TANGGUNGJAWAB
DATO' LEMBAGA
LUAK GUNUNG PASIR**

Dipetik dari Peraturan & Tanggungjawab Lembaga & Besar Wari
(Muka Surat 4-6)

**DATO' MANSOR BIN GAMPAM
ORANG KAYA MEMPASIR SETIAWAN
PENGHULU LUAK GUNUNG PASIR
SRI MENANTI, N.S.D.K.**

DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR DAN TANGGUNGJAWABNYA

Adat Perpateh mengandungi peraturan pentadbiran hidup iaitu bermasyarakat, berpolitik serta pentadbiran bercorak Demokrasi.

Konsep ini jelas tertera dalam ungkapan adat,

*'Bulat air kerana pembedong,
Bulat kata kerana muafakat,
Ke gunung sama di daki, ke lurah sama dituruni,
Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama-sama dicecah!'*

Inilah konsep yang menjalani pegangan masyarakat adat apabila melantik seorang pemimpin adat, maka, dengan ini apabila hendak melantik seseorang Dato' Lembaga tidak terkecuali dari konsep ini.

Di dalam Luak Gunung Pasir terdapat Enam Dato' Lembaga dan seorang Besar yang memerintah waris iaitu Waris Penghulu setaraf dengan kedudukan Lembaga. Sebelum terlantiknya seorang Lembaga adalah menjadi satu kewajiban ahli-ahli dalam satu-satu suku itu bermuafakat dan berunding untuk menentukan siapa yang benar layak. Bak kata '*Bulat kata kerana muafakat*' maka, di sini kenalah diberi perhatian yang wajar untuk mengelakkan sebarang perkara yang buruk seperti perasaan tidak puas hati atau perbalahan dalam suku dan dendam mendendam.

PROSES PERLANTIKKAN DATO' LEMBAGA.

Buapak memainkan peranan penting dalam proses memilih calon, beberapa kriteria atau sifat Lembaga yang akan dipilih diambilkira kerana tiap-tiap Lembaga yang akan dipilih seharusnya daripada seorang berpelajaran di atas Adat Resam Negeri serta baik tingkahlakunya dan mempunyai saka dari keturunan yang baik-baik, juga beristerikan perempuan di dalam luak dan tinggal di dalam luak.

Orang yang jahil dalam adat jangan dipilih, walaupun singgah gilirannya. Sekiranya dilantik akibatnya akan membawa kerosakkan yang susah diperbaiki umpama tikus membaiki labu. Jauhkan ibarat puar cendung ke perut. Kesemua ini perlu diambilkira dan dibincangkan dalam satu perjumpaan yang akan dipengerusikan oleh Buapak. Setelah semua faktor diambilkira dan dipersetujui barulah Buapak mengishtiharkan Dato' Lembaga yang baru. Sekiranya terdapat ramai calon yang menawarkan diri untuk menjadi Lembaga, maka, cara undi akan dijalankan oleh anak buah dari suku berkenaan sahaja.

Calon yang banyak mendapat undi akan diistiharkan menjadi Lembaga. Pada masa dahulu perhimpunan untuk melantik Lembaga dibuat di rumah pesaka calon itu sendiri, akan tetapi kerana sekarang anak-anak buah semakin ramai, maka, pengistiharan dibuat di Dewan Sekolah. Mungkin tidaklah semua anak-anak buah akan dapat hadir tetapi hanya yang berkesempatan sahaja. Buapak semestinya hadir, di samping itu pula Pegawai Daerah sebagai Wakil Kerajaan Negeri dan Ketua Penyalia Adat Kuala Pilah turut hadir.

DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR & TANGGUNGJAWAPNYA

Apabila Lembaga telah dilantik, maka, didirikan satu Istiadat di rumah ibunya atau di rumah saudara perempuan, maka, rumah itu dinamakan **TELAPAK LEMBAGA**. Pada masa itu, ditentukan pakaian Adat Lembaga serta diadakan Adat Sembah Menyembah oleh Buapak serta anak-anak buah. Perlantikan Lembaga mestilah mendapat restu dari Dato' Penghulu. Sah Batal perlantikan seorang Lembaga adalah di tangan Dato' Penghulu dengan mengadakan satu acara mengadap di Balai Dato' Penghulu. Kemudian daripada itu diadakan adat istiadat di rumah isterinya untuk menentukan tempat tinggal di rumah isterinya di mana rumah itu dinamakan **TELATAK LEMBAGA**.

Kedatangan Lembaga ke rumah atau suku isterinya selepas dilantik akan disambut dengan secara adat dan sekurang-kurangnya menyembelih seekor kambing untuk lauk kenduri. Lembaga dan Buapak suku isterinya turut sama dalam majlis tersebut. Di halaman rumah di atur payung bertirai, panji-panji (tonggol dan merual), keris dua bilah, pedang dua bilah, membalut tiang dengan kain warna-warni, bedi lelat empat das. Tempat duduk di pangkal serambi yang dihiasi dengan tabir lelangit, tilam bujur dan bantal rangka setingkat. Anak-anak buah dalam suku isterinya akan datang mengangkat sembah dengan mengenggam dua tapak tangan diangkat setakat dada sahaja. Adat istiadat ini dipakai oleh Lembaga suku yang tua dan lain-lain Lembaga kurang adatnya tambahan pula tidak mempunyai alat kebesaran. Lelamat akan dipasang pada hari jadinya dan di lain-lain istiadatnya.

Lembaga semasa kenduri kedara di mana-mana rumah di dalam suku isterinya tidaklah boleh disuruh arah seperti orang semenda yang lain-lain. Inilah pentingnya upacara adat diadakan semasa kedatangan Lembaga sejak awal lagi agar beliau dikenali oleh anak-anak buahnya. Isterinya juga tidak boleh disuruh arah seperti memasak nasi, mengangkat air dan sebagainya semasa kenduri kedara.

DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR & TANGGUNGJAWAPNYA

Sungguhpun kedudukan Lembaga begitu istimewa di dalam suku isteri, beliau juga berkuasa di dalam sukunya sendiri. Walaupun demikian, beliau boleh mengeluarkan pendapat sekiranya diajak berunding. Sesuai dengan kedudukannya sebagai Ketua Adat yang dihormati beliau akan disambut di halaman dan diiringi apabila beliau datang dengan berjemput ke rumah anak buahnya. Adalah dikatakan tidak tahu adat, sekiranya anak buah mengajaknya dari atas rumahnya sahaja. Ketika hendak menjemput Lembaga dalam upacara adat seperti nikah kahwin, berkedin dan sebagainya, orang yang menjemput hendaklah membawa Epok.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB LEMBAGA.

Sungguhpun Lembaga itu Sah Batalnya ditangan Penghulu, Lembaga juga boleh menjatuhkan Penghulu sekiranya dipersetujui oleh Yam Tuah seperti kata adat '*yang dilantik boleh dipecat*'. Walaupun demikian, pemecatan itu mestilah berdasarkan sebab-sebab yang munasabah pada adat. Lembaga akan menunjukkan kesalahannya dan jika sekiranya ia engkar dihukum mengikut Perpatah Adat. Orang beradat tak tahu adatnya, gugurlah pesakanya. Lembaga berperanan mengiring Dato' Penghulu ke Istana apabila ada Adat Istiadat berjalan di Istana.

Lembaga merupakan Ketua bagi setiap suku akan tetapi masih di bawah kawalan Dato' Penghulu. Di dalam Sistem Adat Perpateh kuasa setiap Ketua sudahpun ditentukan. Seseorang itu tidak boleh menyerahkan kuasa kepada orang lain ataupun mengambil kuasa orang lain seperti mengecar, meraba dilubuk orang. Adat mengatakan; Alam Beraja, Penghulu Berluak, Lembaga Berlingkungan, Buapak Beranak Buah, berumpuk seorang satu, bertuan masing-masing. Harta orang jangan diambil, untuk kita jangan diberi.

DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR
& TANGGUNGJAWAPNYA

Lembaga adalah Ketua Adat mempunyai peranan dan kuasa tertentu seperti kata adat '*Lembaga menjaga adat, Besar mengekahi adat, Buapak beradat dan anak buah memakainya*'.

Dalam menjalankan Adat, Lembaga mestilah teguh pada adatnya, biar mati anak asalkan jangan mati adat. Perbilangan ini bukanlah bermakna yang Lembaga itu rela anaknya mati untuk mempertahankan adat. Sekiranya, didapati anaknya sendiri membuat kesalahan mestilah dihukum mengikut Adat dan tidak seperti '*limau masam sebelah, perahu karam sebelah, tiba ke mata dipejamkan, tiba ke perut dikempiskan*' dan semestinya '*tiba ke batang, batang rebah, tiba ke dahan, dahan patah dan tiba ke urat, urat rambang*'.

Di dalam hal jenayah, Lembaga boleh menyelesaikan kes-kes kecil, seperti membutakan mata, mematah tulang, memutus urat dan sebagainya. Lembaga bertanggungjawab menjaga keselamatan dan keharmonian di dalam sukunya. Perkara yang kusut mestilah diselesaikan dengan bijak umpamanya;

'Menarik rambut dari dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berselerak. Memalu ular jangan mati, kayu pemalu jangan patah, tanah jangan lembab. Kalau keruh dijernihkan, kalau kusut diuraikan. Gaduh di hulu, di hulukan, gaduh di hilir, dihilirkan. Gaduh di tengah sama-sama dihimpuni.'

Sebarang masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh Buapak di bawa ke hadapan Lembaga dan tidak dapat diselesaikan oleh Lembaga di bawa kepada Penghulu. Kesalahan yang diselesaikan oleh Lembaga memerlukan penyembelihan seekor kerbau atau kambing mengikut besar kesalahan sebagai lauk kenduri penebus.

DATO' LEMBAGA LUAK GUNUNG PASIR & TANGGUNGJAWAPNYA

Lembaga bertanggungjawab menetapkan Dasar Adat yang telah ditentukan oleh Penghulu kepada anak-anak buahnya. Dasar Pemerintahan dan Pentadbiran Adat yang telah ditentukan oleh Penghulu kepada anak-anak buahnya, seperti yang telah sediamaklum adalah *'bertangga naik berjanja turun'*. Turun dari Istana yang tinggi hinggap ke Balai yang panjang, mengerah sekalian Lembaga, mengebah sekalian Buapak kepada segala anak buahnya. Ini bermakna yang dititahkan akan disampaikan kepada Penghulu, Penghulu akan menyampaikan kepada anak buah melalui Lembaga dan Buapak.

Perselisihan berlaku di antara suku, Lembaga perlu menyelesaikannya. Kedua-dua berkenaan perlu berunding untuk mencari penyelesaian *'kok mengerat biar sama panjang, kok menimbang biar sama berat dan kok membahagi biar sama banyak'*.

Sebagai Ketua Adat, sekiranya ada perubahan dalam adat hendaklah di bawa di dalam perundingan untuk mendapatkan persetujuan semua Lembaga di dalam luak.

Di dalam hal tanah pusaka, Lembaga berperanan untuk menyelesaikan segala masalah dalam keluarga sebelum di bawa ke Pejabat Tanah kerana Lembaga tidak boleh dianggap sebagai saksi sahaja. Barang perlu diingat, tanah pusaka tidak boleh diberikan kepada yang bukan tempatnya seumpamanya kepada anak angkat yang diambil daripada lain bangsa yang berketurunan darah bukan Melayu pada hal anak buah waris pesako masih banyak yang layak dan patut menerimanya.